3.1.1 KLINIK PAKAR PERUBATAN

Klinik Perubatan Pakar adalah teras perkhidmatan pelbagai sumber rujukan dalaman/luaran selain temujanji susulan discaj oleh wad-wad tempatan hospital disini. Klinik ini kini menawarkan pelbagai skop perkhidmatan yang berjumlah **Sembilan Belas (19)** kesemuanya sepertimana jadual dibawah berbanding pada awal sejarah operasinya hanya membuka **lima (5)** skop perkhidmatan sahaja semasa pelancaran rasmi bulan Mac 1995 pada tahun tersebut.

Kekuatan terkini bilangan anggotakerja paramedik serta bukan-paramedik agak kritikal bagi mengimbangi kepelbagaian beban tugas yang begitu besar demi melaksanakan kelancaran harian operasi perkhidmatan di PoliKlinik Perubatan Pakar setiap minggu.

Jumlah anggota kerja klinik sediada; termasuk kumpulan professional, pelaksana (sokongan I & II) mengikut pecahan adalah **38 Pegawai Profesional** dimana terdapat 1 Pakar Perunding, 13 Pakar serta 24 Pegawai Perubatan dan **18 anggota kerja pelaksana** pula terdiri daripada 5 Jururawat Terlatih (4:U32[TBK1] & 1:U29) serta 5 Jururawat Masyarakat(6:U24[TBK1]), 5 Penolong Pegawai Perubatan(1:U36[TBK2], 1:U32[TBK1], 1:U29 & 2:U29[K]), dan 3 Pembantu Perawatan Kesihatan(U11).

KEMUDAHAN KLINIK PAKAR PERUBATAN

Klinik Pakar Perubatan Hospital Seri Manjung komited memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada penduduk setempat dan daerah berdekatan. Memandangkan dengan pertambahan penjawatan Pakar, Pegawai Perubatan dan juga penambahan sesi Klinik Pakar Lawatan, jadual kedatangan Pakar-

Pakar dari Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh dan Hospital Taiping ke Klinik Pakar Perubatan Hospital Seri Manjung disusunatur agar tiada pertindihan klinik berlaku tatkala lawatan pakar dijalankan.

Jadual 1: Perkhidmatan Poli-Klinik Perubatan Pesakit Luar

BIL	PERKHIDMATAN KLINIK SUSULAN
1	Klinik Perubatan Am – Klinik Warfarin
2	Klinik Pos-Covid19 (09/2022; Ditangguh)
3	Pusat Sumber Diabetis
4	Unit Makmal Jantung(Bukan Invasif)
5	UPD (Spesimen Khas ‘VBG’ Sahaja)
6	Klinik Nefrologi-Dialisis-CAPD
7	Klinik Berhenti Merokok
8	Klinik Rheumatologi
9	Klinik Kegagalan Jantung
	PERKHIDMATAN KLINIK SUSULAN - KLINIK KHAS LAWATAN PAKAR
10	Klinik Paliatif Perubatan
11	Klinik Perubatan Respiratori
12	Klinik Kardiologi
	PERKHIDMATAN KLINIK KHAS LAWATAN PAKAR SAHAJA
13	Klinik Endokrinologi
14	Klinik Dermatologi(Kulit)
15	Klinik Penyakit Berjangkit
16	Klinik Hematologi
17	Klinik Gerontologi(Geriatrik)
18	Klinik Neurologi Perubatan
19	Klinik Gastrologi

BEBAN KERJA/ STATISTIK

Perangkaan (beban kerja) bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut di bawah ini, kesimpulannya peningkatan bilangan kehadiran pesakit luar berterusan meningkat daripada tahun 2022 sehinggalah pada tahun 2024. Ini adalah petunjuk selepas tempoh pelaksanaan PKP 2019 serta penamatan

peningkatan langkah SOP secara berperingkat yang lalu oleh pihak yang berwajib pada tahun 2024 tersebut. ****Nota:** Klinik Lawatan Pakar Nephro-Dialisis, mulai **bulan 5/2022 dipinda sebagai Klinik Susulan.**

Jadual 2 : Senarai jumlah kehadiran pesakit luar yang berdaftar ke Klinik Perubatan Pakar berdasarkan data-data seperti dibawah ini,

SENARAI POLI-KLINIK PERUBATAN PAKAR		TAHUN			
		2022	2023	2024	
PERANGKAPAN TAHUNAN KEHADIRAN PESAKIT KLINIK PERUBATAN PAKAR	KLINIK SUSULAN	Klinik Perubatan Am	17994	13794	20,112
		Klinik Kegagalan Jantung	361	296	305
		Klinik Warfarin	N/A	2297	2,301
		Klinik Pos-Covid19(9/22: Ditangguh)*	297	4	0
		Klinik Nefrologi**	532	1201	1,601
		Klinik Dialisis**	293	232	0
		Klinik CAPD	N/A	181	0
		Unit Dialisis(Bangunan Terasing)	7914	8753	0
		Klinik Rheumatologi**	237	796	810
		Unit Makmal Jantung(Bukan Invasif)	4683	4040	4,450
		UPD (melibatkan Spesimen Khas ‘VBG’ sahaja)	742	1422	1,402
		Pusat Sumber Diabetis	161	227	232
		Klinik Berhenti Merokok	N/A	35	19
		K. SUSULAN +LAWATAN	Klinik Paliatif Perubatan	340	301
	Klinik Dermatologi(Kulit)		828	913	932
	Klinik Perubatan Respiratori(Dada)		688	984	993
	KLINIK LAWATAN PAKAR SAHAJA	Klinik Penyakit Berjangkit	415	496	515
		Klinik Endokrinologi	84	100	120
		Klinik Hematologi	117	110	135
		Klinik Gerontologi(Geriatrik)	74	105	110
		Klinik Neurologi Perubatan	175	154	160
		Klinik Gastrologi	169	168	192
		Klinik Kardiologi	N/A	99	120
	JUMLAH PESAKIT KLINIK PERUBATAN PAKAR		36104	36726	34732

AKTIVITI

Selain kepelbagaian aktiviti sebagaimana yang tertera jadual diatas, terdapat lagi pelbagai aktiviti sokongan yang memacu skop perkhidmatan seiring dengan pembangunan modal insan, melibatkan semua gred anggota kerja di klinik ini yang dijalankan bersesuaian mengikut objektif semasa.

Setiap peringkat gred anggota kerjanya digalakkan menghadiri pelbagai program bagi meningkatkan nilai-tambah sendiri yang berterusan supaya kualiti penyampaian perkhidmatan klinik sentiasa berkembang.

Jadual 3 : Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2024

BIL	PERKARA
1	Program CME/CNE Pakar, Pegawai Perubatan serta Paramedik
2	Program Kursus/ Bengkel Dalaman dan Luaran
3	Latihan Pegawai Perubatan Siswazah
4	Program Kajian Klinikal Pengeluaran Vaksinasi BARU(diteruskan)
5	Program CRC Pesakit Diabetis
6	Program CME Industri Perubatan Bukan Kerajaan
7	Program Hospital Kluster Pesakit Daerah Perak Tengah
8	Lawatan Pakar Klinik Rehabilitasi: Deploy 2 staff klinik(1-2x/Bulan)
9	Program kelestarian pembelajaran perkhidmatan Rheumatologi

3.1.2 UNIT HEMODIALISIS

Unit Hemodialisis dibina dengan belanja RM 536000.00 pada bulan Oktober 2002 dan mula beroperasi pada 11/11/2002 dengan 4 buah mesin dan 8 orang pesakit buah pinggang. Semua pesakit ini dirujuk dari Hospital Ipoh tetapi tinggal di sekitar daerah Manjung.

Bilangan pesakit telah bertambah dari seramai 16 orang pada bulan April 2003 dan bilangan semakin bertambah dari semasa ke semasa. Pada 1/4/2014 jumlah pesakit di unit ini adalah seramai 59 orang pesakit. Pada mulanya unit ini telah memberi perkhidmatan normal dari pukul 6 pagi sehingga 5 petang setiap hari kecuali pada hari Ahad. Kini unit ini telah beroperasi dari pukul 7.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam. Sekiranya terdapat kes selepas waktu tersebut, staff oncall akan dipanggil. Bilangan anggota yang bertugas di unit ini juga bertambah dari seramai 4 orang kepada 127 orang anggota yang terdiri daripada 4 orang PPP, 10 orang jururawat dan 3 orang PPK.

Pada bulan Oktober 2007, sebuah mesin Hemodialisis ditempatkan di ICU/CCU untuk memberi perkhidmatan hemodialisis ditempatkan di wad 9 untuk memberikan perkhidmatan hemodialisis bagi pesakit yang kritikal dan tidak stabil. Namun, bermula pada 2024, hemodialysis. Akut telah diwujudkan di bilik Endoscopy. 5 buah mesin Hemodialisis telah ditempatkan dan 2 orang staff bertugas bagi melakukan kes-kes daripada wad dan jabatan kecemasan

PERKHIDMATAN

Unit Hemodialisis ini memberi perkhidmatan hemodialisis bagi pesakit – pesakit buah pinggang yang dirujuk oleh pakar nefrologi dan pakar perubatan Hospital Seri Manjung. Semua pesakit didaftarkan sebagai pesakit tetap dan dibahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama menjalankan dialisis pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat manakala kumpulan kedua menalakan dialysis pada hari Selasa, Khamis dan Sabtu. Pesakit- pesakit ini dibahagikan kepada 3 syif iaitu syift pertama bermula pukul 7.00 pagi hingga 11.30 pagi, syif kedua bermula 12.00 tengahari hingga 4.00 petang dan syift ketiga bermula 4.30 petang hingga 8.30 malam dan unit ini akan tutup pada pukul 9.00 malam. Selain daripada merawat kes normal (negatif), unit ini juga menyediakan rawatan dialysis untuk kes-kes jangkitan hepatitis iaitu Hepatitis B dan C.

Unit ini juga memberikan perkhidmatan hemodialisis bagi kes-kes kecemasan di Akut Hemodialisis. Kes-kes daripada wad dan Jabatan Kecemasan yang stabil, tidak stabil, mahupun kritikal seperti pesakit yang dilakukan intubasi akan dilakukan di Akut Hemodialisis. Selain daripada itu bagi pesakit ICU/CCU yang memerlukan rawatan hemodialisis akan dilakukan di unit tersebut. Kes-kes ini adalah kes bukan berdaftar tetapi kes tersebut adalah dirujuk oleh pakar nefrologi dan pakar perubatan hospital ini.

Jadual 3.1.2.1: Perkhidmatan-perkhidmatan di Unit Hemodialisis.

BIL	PERKHIDMATAN
1.	Rawatan Hemodialisis (Normal @ Negatif)
2.	Rawatan Hemodialisis (Hepatitis B dan C)
3.	Rawatan Kecemasan Akut Dialisis (Unit Endoskopi)
4.	Rawatan <i>Peritoneal Dialysis</i> (Wad 8)

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Jadual berikut merupakan bilangan kemasukan pesakit di Unit Hemodialisis

Jadual 3.1.2.2 : Jumlah kes yang dirawat di Unit Hemodialisis.

TAHUN	KES			JUMLAH
	Kes Daftar	Kes Acute	Kes di ICU/CCU	
2022	7932	2099	640	10671
2023	7459	1965	518	9942
2024	8839	2984	296	12119

3.2 JABATAN PSIKIATRI & KESIHATAN MENTAL

Perkhidmatan yang diberikan oleh unit ini ialah rawatan kepakaran dalam bidang psikiatri. Perkhidmatan psikiatri yang di berikan adalah rawatan klinik pesakit luar pakar, rawatan pesakit dalam wad, rawatan komuniti psikiatri dan Klinik Gantian Terapi Methadone. Klinik pakar psikiatri beroperasi pada setiap hari bekerja pada waktu pejabat manakala aktiviti Klinik Gantian Methadone berlangsung pada setiap hari antara pukul 7.00 pagi hingga 10.00 pagi. Untuk perkhidmatan rawatan psikiatri pesakit dalam, kami mempunyai 2 katil di wad medikal.

Jumlah keseluruhan kakitangan adalah seramai 28 orang terdiri daripada 1 ketua jabatan, 2 pakar psikiatri, 11 pegawai perubatan, 3 pembantu pegawai perubatan, 7 jururawat, dan 13 pembantu perawatan kesihatan. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh unit ini boleh dilihat secara terperinci di Jadual 1.

Jadual 1: Perkhidmatan yang dijalankan oleh Klinik Psikiatri

BIL	PERKHIDMATAN
1	Klinik Pakar / Rawatan Pesakit Luar
2	Rawatan Pesakit Dalam
3	Rawatan Komuniti Psikiatri
4	Rehabilitasi Psikososial
5	Program Terapi Gantian Methadone

BEBAN KERJA/STATISTIK

Jadual 2 menunjukkan beban kerja dari tahun 2022 - 2024.

PERKARA	Tahun 2022	Tahun 2023	Tahun 2024
Bil Pesakit Luar (Baru)	508	568	552
Bil Pesakit Luar (Ulangan)	9168	8992	9658
Bil Pesakit Dalam	734	828	826
Lawatan Rumah (H/V)	397	449	450
Klinik Methadone	298	300	290

AKTIVITI

Jadual 3 : Aktiviti Anjuran Jabatan Psikiatri Tahun 2024

BIL	PERKARA
1	Kursus CPG Bipolar disorder
2	Webinar Psy Talk 1/2024 : Bagaimanakah Pemikiran mempengaruhi kehidupan anda.
3	Webinar Psy Talk 2/2024 : Terapi tingkah laku mengubah kelaku
4	Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti dan Psychological First Aid (PFA)
5	Webinar Psy Talk 3/2024 : Intentional Self Harm
6	Kursus Pengurusan Klien Ketagihan Opiod
7	Fun Run Warrior
8	Webinar Psy Talk 4/2024 : Nyanyuk, Penyakit atau Lumrah ?
9	Sambutan hari Kesihatan Mental Sedunia Peringkat Hospital Seri Manjung
10	Webinar Psy Talk 5/2024 : Ketagihan Bukan Dadah
11	Webinar Psy Talk 6/2024 : Kekal Tenang Dalam Keributan

3.3 JABATAN PESAKIT LUAR

Sebagai perkhidmatan kesihatan yang memberikan perkhidmatan “Primary Health Care” kepada pesakit yang mana merupakan “*frontliner health services*”. Memberi perkhidmatan pemeriksaan dan rawatan kepada pesakit luar secara Professional, berkesan, tepat dan cekap, mengutamakan layanan mesra kepada pesakit semasa bertugas. Mempunyai seramai 13 Pegawai Perubatan, (termasuk seorang Ketua Jabatan) 5 Pen.Pegawai Perubatan (termasuk seorang Penyelia Jabatan), 2 Jururawat terlatih, 7 Jururawat Masyarakat, 8 Pem. Perawatan Kesihatan, 2 orang Pem tadbir dan seorang pekerja Mystep. Bermula Dis sehingga jan 2025, 2 orang jururawat dan 8 jururawat masyarakat akan di pindahkan ke wad berperingkat mengikut arahan yang dikeluarkan oleh KKM bagi mengurangkan beban kerja di wad.

Jabatan ini yang pada awalnya di Jadualkan atau dirancang untuk dihentikan perkhidmatan pada Januari 2026, terpaksa ditangguhkan penutupan disebabkan pihak Kesihatan Awam tidak mampu untuk menerima jumlah pesakit yang ramai ke Klinik kesihatan Sitiawan dan juga tiada lagi kawasan atau tempat yang sesuai untuk dibina Klinik Kesihatan Seri Manjung bagi menggantikan Jabatan ini.

PERKHIDMATAN

Berikut merupakan perkhidmatan yang ditawarkan di Jabatan Pesakit Luar, Hospital Seri Manjung.

Jadual 3.3.1 : Perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Pesakit Luar

BIL	PERKHIDMATAN
1	Klinik Pesakit Luar
2	Klinik NCDC /CDC
3	Pemeriksaan Kesihatan (Medical Check up) Pelajar / Lain-lain jabatan kerajaan & swasta / lantikan baru / haji / kospen.
4	Klinik Cucian luka dan lain-lain prosedur (Pengambilan tekanan darah, pemeriksaan kandungan gula, buka jahitan, pemasangan tiub kencing dan sebagainya)
5	Kaunter saringan Respi
6.	Pusat rujukan kes-kes dari swasta untuk ke klinik kepakaran
7.	Saringan Colorectal, TB, NCD / CDC, Covid 19, MersCoV, Infleunza.
8.	Pengesahan Penagih dadah untuk pihak AADK
9.	Klinik INR
10.	Prosedur-prodsedur Klinikal dan bukan klinikal yang dirujuk dari Hospital, Klinik Kesihatan dan Klinik Berpakar

BEBAN KERJA/ STATISTIK

Jadual dibawah menunjukkan jumlah kedatangan pesakit yang mendaftar bagi mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar dari Tahun 2024 (Jan-Dis). Juga disertakan jumlah prosedur-prosedur (beban tugas) bilik rawatan jabatan. Serta kes-kes baru bagi tahun 2024.

Jadual 3.3.2: Jumlah klien & Jumlah Prosedur bilik Rawatan


PERKARA	2022	2023	2024
Jumlah pesakit yang hadir mendapatkan rawatan	54488	59634	56818
Jumlah prosedur bilik rawatan	21925	21874	22524

Graf Kedatangan Pesakit dan pesakit baru Ke Jabatan Pesakit Luar Bagi bulan Jan hingga Dis 2024.



Graf Jumlah Prosedur Yang Dijalankan Di Jabatan Pesakit Luar Bagi Tahun 2024

JUMLAH PROSEDUR-PROSEDUR YANG DIJALANKAN DI JPL JAN-DIS 2024



AKTIVITI

Selain rawatan pesakit luar biasa, Jabatan pesakit luar pada setiap tahun akan melakukan Program pengesanan dan saringan TB bagi pesakit yang hadir untuk rawatan serta pesakit-pesakit yang berisiko. Pencapaian yang perlu dicapai adalah 100% bagi semua pesakit yang hadir mendapatkan rawatan. Saringan kes-kes diabetes, hypertension dan dyslipidemia juga dilakukan. Bagi pesakit-pesakit diabetes yang hadir mendapatkan rawatan. Pesakit-pesakit ini akan dipastikan mematuhi arahan dan nasihat doktor. Selain itu pesakit-pesakit diabetes perlu dipastikan juga membuat pemeriksaan fundus sekurang-nya dua tahun sekali. Aktiviti saringan Colorectal Cancer juga ada dilakukan di JPL dan perlu mencapai KPI yang ditetapkan oleh JKN. Aktiviti pemeriksaan kesihatan (*medical check-up*) juga

dibuat untuk pegawai-pegawai lantikan kerja, 40 tahun keatas, pemeriksaan pegawai-pegawai beruniform, kakitangan PBT, pelajar-pelajar serta bakal Jemaah haji.

Fever clinic telah dibuka di Jabatan ini bermula Mac 2022. Kes-kes pesakit-pesakit serta kakitangan HSM yang mempunyai tanda-tanda dan gejala Covid-19, Mers Co-V dan Influenza, seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak akan dirawat diklinik ini. Ujian Calitan juga akan dibuat di Klinik ini sekiranya perlu. Bagi pesakit-pesakit yang berisiko, mereka akan disaring dan jika didapati positif, mereka akan diberikan ubat Covid-19 (*Paxlovid*).

Program Mtag Diabetic mellitus oleh pihak farmasi juga ada dijalankan di Jabatan Pesakit luar. Program dilakukan pada Khamis setiap minggu. Pesakit akan diberi konsultasi oleh pegawai farmasi serta diberi nasihat, pendidikan dan makluman tentang ubatan.

Jadual 3.3.3: Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2023

BIL	PERKARA
1	Rawatan Pesakit Luar
2	Program saringan TB
3	Saringan Pesakit NCD
4	Saringan Coloractel
5.	Pengesanan dan saringan pesakit disyaki Covid 19, Mers CoV dan Infleunza
6.	Saringan dan pemeriksaan kesihatan (Pelajar sekolah /IPT/IPTS, Kakitangan awam & swasta, badan beruniform dan kakitangan PBT, Bakal Haji)
7.	Mtag Diabetic Mellitus
8.	Rujukan pesakit ke wad dan klinik-klinik kepakaran, Klinik Quit, O&G, MOPD, SOPD Fisio, mata, ENT dan sebangainya.

4. PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN

Perkhidmatan pembedahan di Hospital Seri Manjung merangkumi Jabatan Pembedahan, Jabatan Ortopedik, Jabatan Anestesiologi, Jabatan Kecemasan dan Traumatologi serta Jabatan Oftalmologi.

4.1 JABATAN PEMBEDAHAN

Jabatan Pembedahan Hospital Seri Manjung menyediakan perkhidmatan rawatan kepada semua kes berkaitan pembedahan merangkumi pesakit luar dan pesakit dalam, pembedahan elektif dan kecemasan serta rawatan endoskopi. Jabatan Pembedahan menjalankan fungsi-fungsinya melalui 3 unit utama iaitu Klinik Pakar Pembedahan, Unit Endoskopi dan Unit Penjagaan Luka.

4.1.1 KLINIK PAKAR PEMBEDAHAN

Klinik Pakar Pembedahan berperanan dalam melihat kes-kes rujukan baru dan rawatan susulan, memberi kaunseling dan memberi khidmat nasihat kepakaran, dan merujuk pesakit ke hospital atau institusi lain jika perlu. Kakitangan Klinik Pakar Pembedahan terdiri daripada Ketua Jabatan dan Pakar Bedah Am-1, Pakar Bedah Am-1, Pegawai Perubatan- 22, Penolong Pegawai Perubatan- 2, Jururawat - 5, Pembantu Perawatan Kesihatan -2.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Klinik Pakar Pembedahan adalah seperti di Jadual 4.1.1.1.

Jadual 4.1.1.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan Klinik Pakar Pembedahan

BIL	PERKHIDMATAN
1	Melihat kes-kes rujukan baru dan rawatan susulan
2	Kaunseling dan khidmat nasihat kepakaran
3	Melakukan prosedur <i>Fine Needle Aspiration Cytology</i> (FNAC), biopsi, rawatan luka dan buka jahit
4	Merujuk pesakit ke hospital atau institusi lain bila perlu
5	Lawatan Pakar Neurosurgeri
6	Lawatan Pakar ENT
7	Lawatan Pakar Bedah Pediatrik (mula beroperasi November 2021)
8	Lawatan Pakar Onkologi dari GHKL (mula beroperasi Ogos 2022)
9	Klinik Pakar Bedah Am Lawatan ke Klinik Kesihatan Pantai Remis, Klinik Desa Pulau Pangkor dan Hospital Changkat Melintang

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Jumlah pesakit yang menerima rawatan di klinik ini boleh dilihat secara ringkas di Jadual 4.1.1.2

Jadual 4.1.1.2 : Jumlah pesakit di Klinik Pakar Pembedahan

TAHUN	KLINIK					JUMLAH
	Pakar Pembedahan	ENT (lawatan)	Neuro surgery (lawatan)	Bedah pediatrik (lawatan)	Onkologi (lawatan)	
2022	14649	765	353	381	53	16201
2023	13739	1096	479	687	125	16126
2024	15131	1053	468	835	298	17785

4.1.2 UNIT ENDOSKOPI

Unit Endoskopi memainkan peranan dalam memberi rawatan diagnostik dan terapeutik untuk *upper endoscopy* atau OGDS kepada pesakit. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab dalam memberi rawatan diagnostik dan terapeutik. Unit endoskopi pula menjalankan prosedur elektif OGDS dan “colonoscopy” setiap hari Isnin sehingga Jumaat. Unit ini turut menjalankan prosedur elektif “bronchoscopy” setiap hari Khamis pagi. Disamping itu, unit ini juga beroperasi di atas panggilan setiap hari termasuk hari cuti umum dan hujung minggu. Unit Endoskopi mempunyai 4 orang penolong pegawai perubatan, seorang jururawat, 2 orang pembantu perawatan kesihatan dan diketuai oleh ketua jabatan dan pakar bedah am Jabatan Pembedahan.

PERKHIDMATAN

Jadual 4.1.2.1 menunjukkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Unit Endoskopi kepada pesakit.

Jadual 4.1.2.1: Perkhidmatan-perkhidmatan di Unit Endoskopi

BIL	PERKHIDMATAN
1.	Rawatan diagnostik dan terapeutik untuk lower endoscopy atau kolonoskopi
2.	Perkhidmatan kecemasan endoskopi 24 jam

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Berikut seperti Jadual di 4.1.2.2 merupakan jumlah pesakit yang menerima rawatan di Unit Endoskopi.

Jadual 4.1.2.2: Jumlah Pesakit di Unit Endoskopi

TAHUN	UNIT ENDOSKOPI				JUMLAH
	Pembedahan		Perubatan		
	OGDS	Colonoscopy	OGDS	Bronchoscopy	
2022	868	720	49	41	1678
2023	856	635	34	29	1554
2024	755	812	200	49	1816

4.1.3 UNIT RAWATAN PENJAGAAN LUKA

Penubuhan Unit Rawatan Penjagaan Luka Hospital Seri Manjung pada 1hb Mac 2017 bertujuan untuk meningkatkan kualiti penjagaan luka dengan pencapaian keberhasilan rawatan yang lebih berkesan berlandaskan garis panduan serta protokol saintifik dan seterusnya memberi hasil rawatan pesakit yang lebih baik. Ini secara tidak langsung mampu mengurangkan kadar amputasi di negara kita yang berkaitan dengan penyakit kencing manis. Unit rawatan penjagaan luka ini adalah yang pertama di Negeri Perak dan di bawah naungan Jabatan Pembedahan Am. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh unit ini boleh dilihat secara terperinci seperti:

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh unit ini boleh dilihat secara terperinci di Jadual 4.1.3.1.

Jadual 4.1.3.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan di Unit Rawatan Penjagaan Luka

BIL	PERKHIDMATAN
1)	Memberi rawatan dan konsultasi berkaitan pengurusan dan penjagaan luka yang optima di pelbagai disiplin di hospital, tetapi pesakit masih akan menerima rawatan di disiplin yang terlibat dengan punca kemasukan pesakit sehingga keadaan stabil.
2)	Memberi rawatan dan konsultasi kepada pesakit -pesakit yang dirujuk daripada wad atau bahagian pesakit luar bila diperlukan contohnya kes kudis tekanan, luka kencing manis dan masalah kudis vena.
3)	Memberi nasihat dan tunjuk ajar berkaitan peralatan dan kaedah penjagaan luka yang bersesuaian kepada anggota kesihatan yang lain.
4)	Memberi pendidikan kesihatan berkaitan penjagaan luka kepada anggota kesihatan, pesakit dan orang awam.
5)	Menjadi penasihat di dalam pertubuhan penjagaan luka di peringkat kesihatan primer dan hospital di negeri Perak.

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Jadual Jadual 4.1.3.2 menunjukkan jumlah dressing bagi kes pesakit luar dan dalam dari tahun 2022 sehingga 2024. Jumlah rujukan semakin bertambah dari tahun ke tahun dan unit rawatan penjagaan luka hanya mempunyai seorang pegawai perubatan selaku ketua unit dan dua jururawat terlatih yang mempunyai post basik dalam pengurusan penjagaan luka. Pada bulan Januari 2023, Unit Rawatan Penjagaan Luka telah menerima seorang pembantu perawatan kesihatan dan seorang pembantu perawatan kesihatan.

Jadual 4.1.3.2 : Jumlah Dressing Kes Pesakit Luar dan Dalam Unit Rawatan Penjagaan Luka dari Tahun 2021 – 2023

TAHUN	JUMLAH DRESSING BAGI KES PESAKIT LUAR	JUMLAH DRESSING BAGI KES PESAKIT DALAM	JUMLAH
2022	8083	142	8225
2023	8043	245	8288
2024	7788	385	8173

AKTIVITI

Pada tahun 2024, Unit Rawatan Penjagaan Luka telah menganjurkan satu program penjagaan luka peringkat negeri Perak.

Jadual 4.1.3.3 : Aktiviti yang Dijalankan pada Tahun 2024

Bil	Aktiviti
1)	Perak Wound Care Workshop telah dianjurkan pada 2024 di Dewan Mutiara, Hospital Seri Manjung. 31hb Julai
2)	Perak Wound Care Webinar CME Series yang bertajuk : Amputee Advice & Psychological Support (Goggle Meet) Oleh Dr Joshua Jeevan pada 13hb November 2024

3)	CNE Hospital Seri Manjung yang bertajuk : Managing Venous Leg Ulcers Oleh JT Wan Safarizan Bt Wan Saleh pada 28hb November 2024
4)	Membentangkan dua poster penyembuhan luka semasa program 6 th Global Wound Care Conference pada 18-20hb Oktober 2024 di Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor.
5)	Anjuran Bersama Bengkel Pemantapan Penjagaan Luka Hospital-Hospital Negeri Perak pada 26-27 Oktober 2024 di Tanjung Tualang.
6)	Perhimpunan Bulanan 2024 : Anjuran Bersama Unit Kualiti, Unit Forensik dan CSSU Renungan pagi : Pencegahan Kudis Varikos oleh Dr Joshua Jeevan Pada 13hb Disember 2024

Jadual 4.1.3.4 : Kursus Jemputan Unit Rawatan Penjagaan Luka Pada Tahun 2024

Bil	Kursus Jemputan
1	Penceramah Jemputan bagi Program 6 th Perak Wound Care Symposium Anjuran HRPB pada 24hb Jun 2024
2	Penceramah Jemputan bagi Program Penjagaan Luka Anjuran PKD Kinta pada 2hb Julai 2024
3	Penceramah Jemputan bagi Program Penjagaan Luka PKD Manjung pada 9hb September 2024 Anjuran
4	Penceramah Jemputan bagi Program Penjagaan Luka Hospital Baling pada 14hb Oktober 2024 Anjuran
5	Penceramah Jemputan bagi Kursus Lanjutan Post Basik Diabetic Care dan Orthopedik di ILKKM SAS, Ulu Kinta pada bulan Mac dan September 2024

PENCAPAIAN

1) Petunjuk Prestasi Utama

Dua Petunjuk Prestasi Utama telah dipilih untuk Unit Rawatan Penjagaan Luka Hospital Seri Manjung sejak 2021 bagi persediaan akreditasi. Petunjuk Prestasi Utama pertama ialah peratus pesakit luar yang dirawat dalam jangka masa 96 jam (tidak termasuk cuti umum dan hujung minggu) selepas rujukan ke Unit Rawatan Penjagaan Luka pada setiap bulan. Sasaran ditetapkan lebih daripada 80% berdasarkan dua katil di unit, jumlah 4 staf dengan purata pesakit 20-30 orang sehari.

Petunjuk Prestasi Utama kedua ialah peratus pesakit dalam yang dirawat dalam jangka masa 48 jam (tidak termasuk cuti umum dan hujung minggu) selepas rujukan ke Unit Rawatan Penjagaan Luka pada setiap bulan. Sasaran ditetapkan lebih daripada 80% walaupun kekangan staf.

Pada tahun 2024, Petunjuk Prestasi Utama pertama mencapai hampir 95% dan pesakit sendiri meminta untuk temujanji lambat disebabkan luka kronik, masalah pengangkutan dan luar kawasan Manjung. Petunjuk Prestasi Utama kedua mencapai 100% di mana semua kes pesakit dalam wad dirawat dalam jangka masa 2 hari selepas dirujuk.

2) Membentangkan dua poster penyembuhan luka semasa program 6th Global Wound Care Conference pada 18-20hb Oktober 2024 di Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor yang bertajuk “Treating an Autoimmune Related Wound with Polymeric Membrane Dressing: A Case Report” dan mendapat tempat saguhati daripada 107 penyertaan. Kes kedua bertajuk “Limb Salvage Experience of a 247cm² Diabetic Heel Ulcer: A Case Report” yang diselamatkan daripada amputasi.

4.2 JABATAN ORTOPEDIK

Perkhidmatan kepakaran Ortopedik & Traumatologi telah dimulakan dengan Pakar Lawatan (Dr. Vejayan) dari Hospital Angkatan Tentera Lumut dengan klinik pertama pada 14 Januari 1999. Perkhidmatan ini telah beroperasi dengan sepenuhnya dengan penempatan Pakar Bedah Ortopedik Dr. Suresh Kumar pada November 2003. Bermula 1 Ogos 2014 jabatan ini diambilalih oleh Dr. Saravanan A/L Shanmugam sebagai ketua jabatan yang baru dan dibantu oleh 3 orang pakar , 15 Pegawai Perubatan ,2 Penolong Pegawai Perubatan U32 dan 2 orang Ketua Jururawat untuk menguruskan jabatan. Jabatan ini memberikan perkhidmatan kepakaran meliputi kawasan-kawasan di Daerah Manjung khususnya, juga merupakan pusat rujukan Hospital Changkat Melintang, Klinik Kesihatan Perak Tengah, hospital-hospital swasta dan klinik-klinik swasta. Jabatan ini juga mengadakan *Visiting* klinik ke Hospital Changkat Melintang dan Klinik Kesihatan Pulau Pangkor sekali dalam sebulan.

PERKHIDMATAN

Berikut merupakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Ortopedik.

Jadual 4.2.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan di Jabatan Ortopedik

BIL	PERKHIDMATAN
1	Pembedahan Spine
2	Pembedahan Trauma
3	Pembedahan Arthroplasty
4	Peads Visiting Klinik
5	Klinik Orthopedik(Umum)
6	Wound Clinic
7	Jemaah Perkeso
8	Hand & Micro Visiting Clinic
9	Sports Clinic
10	Arthroplaty Clinic

BEBAN KERJA/STATISTIK

Jadual di bawah menunjukkan jumlah data pesakit dalam tempoh 3 tahun.

Jadual 4.2.2 : Jumlah klien yang menerima rawatan di Jabatan Ortopedik

PERKARA	TAHUN		
	2022	2023	2024
Pesakit dalam	1,563	1,707	1,854
Pesakit luar	11,919	14,047	16,137
Pembedahan	2350	1,638	1,713
Dressing	3,125	2,616	4,303
POP	3,760	3,854	2,354
Jumlah	22,717	23,862	26,361

AKTIVITI

Aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Ortopedik adalah seperti di jadual berikut.

Jadual 4.2.3 : Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2024

BIL	PERKARA
1	OA Course

4.3 JABATAN ANESTESIOLOGI

Jabatan Anestesiologi menyediakan perkhidmatan peri-operatif dan rawatan rapi kepada pesakit-pesakit di daerah Manjung. Jabatan Anestesiologi terdiri daripada Unit Rawatan Rapi dan Dewan Bedah.

4.3.1 UNIT RAWATAN RAPI

Unit ICU/CCU merupakan salah satu unit fungsional di Hospital Seri Manjung yang memberikan perkhidmatan rawatan intensif kepada pesakit dalam. Ia terletak ditingkat 1, bersebelahan dengan Dewan Bedah utama. Pada awalnya Unit ICU/CCU beroperasi dengan 4 katil tetapi telah ditambah kepada 8 katil pada 2016 dengan pembahagian 6 katil ICU dibawah Jabatan Anestesiologi dan 2 katil CCU di bawah Jabatan Perubatan. Ketua Jabatan Anaesthesiologi ialah Dr Abdul Jalil Bin Ahmad.

Sesuai dengan matlamat untuk memberikan perkhidmatan intensif yang berkualiti, ICU/CCU dilengkapi dengan peralatan dan kelengkapan seperti katil ICU, ventilator, bedside patient monitor, infusion pump, mesin hemodialysis, CRRT dan lain-lain.

Manakala Perkhidmatan Kejururawatan di Unit ICU/CCU diketuai oleh seorang Penyelia Jururawat, 2 orang Ketua Jururawat, 29 orang Jururawat dan 6 orang Pembantu Perawatan Kesihatan yang bertugas mengikut giliran syif. Anggota kejururawatan bertugas dengan mengikut ratio pesakit: jururawat 1:1 bagi ICU dan 2:1 bagi CCU.

Selain daripada itu, terdapat juga Unit Respiratori yang terdiri daripada 4 orang Penolong Pegawai Perubatan dan dua orang Pembantu Perawatan Kesihatan. Mereka bertanggungjawab kepada ventilator dan peralatan respiratori di ICU/CCU.

Selain menyediakan rawatan intensif kepada pesakit, ICU/CCU juga memberi perkhidmatan Acute Pain Service (APS), terlibat dengan aktiviti organ donation dan terlibat secara langsung dengan program Pain Free Hospital.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diberikan oleh unit ini dapat dilihat di Jadual 4.3.1.1.

Jadual 4.3.1.1: Perkhidmatan-perkhidmatan di Unit Rawatan Rapi

BIL	PERKHIDMATAN
1	Perkhidmatan <i>Acute Pain Service</i>
2	<i>Transplant Organ Procurement Team HSM</i> (Top Team)
3	Perkhidmatan <i>Acute Haemodialysis</i>
4	Perkhidmatan <i>Continous Renal Replacement Therapy</i>

AKTIVITI KUALITI DAN PENGUMPULAN DATA KUALITI seperti berikut:

1. *Malaysian Registry Intensive Care Unit (MRIC)*
2. *Ventilaor Associated Pneumonia (VAP)*
3. *Ventilator Care Bundle (VCB Bundle)*
4. *Central Venous Bundle (CVC Bundle)*
5. *Acute Pain Service (APS)*
6. Kajian Kepuasan Pelanggan dilakukan 2 kali setahun.
7. *National Nursing Indicator Approach (NNIA)* dan *Key Performance Indicator (KPI)*
8. Plan Tindakan Kejururawatan setiap bulan.
9. Pelan pelaksanaan aktiviti kejururawatan perubatan (ATK)
10. Laporan *Perioperative mortality*
11. Laporan Census ICU / CCU setiap bulan.
12. Laporan halatuju

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Data statistik yang dikumpul oleh jabatan ini adalah seperti di Jadual 4.3.1.2.

Jadual 4.3.1.2: Data statistik di Unit Rawatan Rapi

PERKARA						
TAHUN	Kemasukan pesakit ke unit rawatan rapi		Jumlah pesakit yang menggunakan mesin bantuan	Jumlah pesakit yang menerima CRRT	Jumlah pesakit yang menjalani prosedur <i>Percutaneous</i>	Pesakit menggunakan <i>Acute Pain Service</i>
	ICU	CCU				

			pernafasan		<i>tracheostomy</i>	
2022	464	174	369	2	36	1087
2023	477	186	370	17	33	1142
2024	432	169	327	35	28	1367

AKTIVITI

Jadual 4.3.1.3 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Unit Rawatan Rapi.

Jadual 4.3.1.3: Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun

BIL	AKTIVITI
1	<i>National Audit in Intensive Care</i>
2	<i>Ventilator Associated Pneumonia Bundle (VAP Bundle)</i>
3	<i>Central Venous Bundle (CVC Bundle)</i>
4	Kempen Organ <i>Donation Transplant.</i>

4.3.2 DEWAN BEDAH

Dewan Bedah Hospital Seri Manjung terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Dewan Bedah utama dan Dewan Bedah kecil. Dewan Bedah utama terletak di Aras 1 dan berkongsi bangunan dengan Unit Rawatan Rapi berdepan dengan Unit CSSD serta pejabat. Manakala Dewan Bedah Kecil berada di bahagian belakang jabatan Kecemasan. Di ruangan dalam Dewan Bedah ini terbahagi kepada beberapa ruang yang penting seperti berikut :

- a. Ruang Airlock untuk menerima pesakit, Check List pembedahan, SSSL form dan jika bermasalah, pesakit akan dikembalikan kepada wad/unit.
- b. Ruang Recovery untuk menempatkan pesakit sementara selepas pembedahan di unit pemulihan sebelum pesakit dikembalikan ke wad.
- c. Ruang Pembedahan iaitu OR 1, OR 2 dan Minor OT untuk melakukan pembedahan.

Di Hospital ini terdapat lima orang pakar Bius, dua orang Pakar Bedah, empat orang Pakar O&G, lima orang Pakar Orthopedik dan empat orang Pakar Oftalmologi yang bertanggungjawab dalam menjalankan pembedahan di sini bagi tahun 2023. Pembahagian pembedahan elektif dilakukan mengikut persetujuan semua disiplin mengikut hari yang telah ditentukan. Manakala Dewan Bedah Kecil pula beroperasi sebagai bilik bedah ke 3 untuk menjalankan Kes elektif


O&G pada setiap hari rabu dan Oftalmologi pada hari Selasa ,Rabu dan Khamis. Selain dari itu Dewan Bedah Kecil juga menjalankan kes elektif surgikal pada hari Selasa petang dan kes elektif LA Orthopedik pada setiap Isnin petang. Pembedahan bagi pesakit Covid juga dijalankan di Dewan Bedah kecil. Dewan Bedah utama menjalankan kes elektif pada hari isnin -Jumaat dari jam 8am-5pm sementara itu kes locum 8am-1pm pada hari sabtu dan kes kecemasan selepas selesai kes elektif.

PERKHIDMATAN

Jadual 4.3.2.1 menunjukkan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit di Dewan Bedah.

Jadual 4.3.2.1: Perkhidmatan Pembedahan di Dewan Bedah

	2022	2023	2024
SURGIKAL	1052	1231	1170
ENT	6	9	23
UROSURGERI	34	71	71
ORTHOPEDIK	1657	1638	1713
O&G	1739	1785	1713
OFTALMOLOGI	433	704	827
NEPHRO	2	9	25
JUMLAH	4923	5447	5542



STATISTIK PEMBEDAHAN TAHUN 2022 – 2024

BEBAN KERJA DAN STATISTIK


Jumlah kes pembedahan setiap tahun adalah seperti di Jadual 4.3.5.

Jadual 4.3.5: Jumlah kes pembedahan mengikut tahun.

TAHUN	JUMLAH
2022	4923
2023	5447
2024	5542

Jadual 4.3.6 Statistik Anaesthesiologi Tahun 2022-2024

	2022	2023	2024
REGIONAL	2811	2913	2888
GA	1309	1497	1513
GABUNGAN	12	45	101
JUMLAH	4132	4455	4502



STATISTIK ANAESTHESIOLOGI TAHUN 2022 – 2024

4.4 JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Seri Manjung adalah merupakan nadi utama dalam urusan Penerimaan dan Perawatan kes-kes kecemasan dan kecederaan. Semua kes –kes rujukan daripada klinik – klinik Kesihatan di daerah Manjung, Hospital Seri Iskandar dan Hospital Angkatan Tentera. Objektif jabatan ini ialah memberi rawatan kecemasan dan kecederaan dengan cekap, tepat, sempurna, mengelakkan komplikasi bagi tujuan menyelamatkan nyawa berpunca dari kecederaan atau penyakit. Bilangan perjawatan terdiri daripada 5 Pakar Perubatan Kecemasan, 32 Pegawai Perubatan, 28 Penolong Pegawai Perubatan, 13 Jururawat, 14 Pembantu Perawatan Kesihatan dan 15 Pemandu.

PERKHIDMATAN

Antara perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Kecemasan dan Trauma adalah seperti berikut :

Jadual 4.4.1: Perkhidmatan-perkhidmatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma

BIL	PERKHIDMATAN
1	Perkhidmatan Rawatan Kecemasan dan Kecederaan
2	Perkhidmatan Ambulans /Pre Hospital Care
3	Perkhidmatan <i>One Stop Crisis Centre</i> (OSCC)
4	Perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan
5	<i>Point Of Care Testing</i>

BEBAN KERJA/STATISTIK

Jumlah data beban kerja di Jabatan Kecemasan dan Trauma boleh dilihat dengan terperinci seperti jadual-jadual berikut :

Jadual 4.4.2: Jumlah kedatangan Pesakit mengikut Triage

JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT MENGIKUT TRIAGE				
TAHUN	Merah	Kuning	Hijau	JUMLAH
2022	2932	18115	38123	59170
2023	3352	20515	37619	61486
2024	3625	20282	36926	60473

Jadual 4.4.3: Jumlah Panggilan Ambulan /Jeti

TAHUN	JUMLAH PANGGILAN AMBULANS /JETI		JUMLAH
	<i>Ambulance Call</i>	<i>Jetty Call</i>	
2022	2706	719	3425
2023	2737	857	3594
2024	3017	761	3778

Jadual 4.4.4: Jumlah Kes Rujukan ke Hospital Lain

TAHUN	JUMLAH
2022	899
2023	1073
2024	906

Jadual 4.4.5: Jumlah Kes Resusitasi

TAHUN	JUMLAH
2022	2937
2023	3392
2024	3220

Jadual 4.4.6: Jumlah Kes Trauma

TAHUN	JUMLAH
2022	4023
2023	4109
2024	4271

PENCAPAIAN

Jabatan Kecemasan dan Trauma telah mencapai beberapa pencapaian bagi tahun 2024 iaitu Akreditasi Tahun 2024 (belum mendapat keputusan), Liputan Pasukan Perubatan MotoGP Sepang, Selangor (November 2024), MIREX di Terengganu dan Liputan Pasukan Perubatan

AKTIVITI

Jadual di bawah merupakan aktiviti yang dilakukan oleh Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Jadual 4.4.7 : Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022

BIL	PERKARA
1	Kursus <i>Basic Life Support</i>
2	Latihan <i>Field Triage (Disaster)</i>
3	<i>Moulage Trauma</i>
4	Kursus Asas Penggunaan Ventilator
5.	Kursus Ultra Sound FAST
6	CME Online Jabatan

4.5 JABATAN OFTALMOLOGI

Jabatan Oftalmologi telah memulakan perkhidmatannya sejak dari Hospital Lumut lagi iaitu pada tahun 1993 dimana kes-kes mata dilihat oleh Pakar Mata dari Hospital Ipoh yang membuat lawatan sebulan sekali. Perkhidmatan ini terus berjalan seperti biasa sehingga tertubuhnya Hospital Seri Manjung pada tahun 1995.

Jabatan Oftalmologi ditubuhkan di bawah Dasar Baru tahun 2000 berikutan penambahan penduduk yang pesat di Daerah Manjung yang memerlukan perkhidmatan pemeriksaan dan rawatan mata. Klinik Mata memulakan perkhidmatannya pada penghujung tahun 2000 dikendalikan oleh seorang Pembantu Perawatan dan seorang Jururawat Terlatih. Pakar Mata dari Hospital Angkatan Tentera dipinjamkan seminggu sekali untuk memberi perkhidmatannya memandangkan tiada lagi Pakar Mata ditempatkan di Hospital Seri Manjung. Manakala Perkhidmatan Optometri telah diberikan oleh Pegawai Optometri dari Hospital Ipoh yang akan membuat lawatan sebulan sekali.

Pada tahun 2002, Klinik Mata mempunyai 5 orang kakitangan yang terdiri dari seorang Optometris, 3 orang Pembantu Perubatan dan seorang Jururawat Terlatih. Jumlah kedatangan pesakit semakin hari semakin bertambah memandangkan kepesatan penduduk yang merangkumi 9 kawasan liputan di Daerah Manjung.

Jabatan Oftalmologi telah bergerak aktif sejak kehadiran seorang Pakar Oftalmologi pada bulan Disember 2005. Berikutan dengan itu, ramai pesakit dari kawasan liputan Daerah Manjung telah dirujuk ke Jabatan ini untuk mendapatkan perkhidmatan mata. Pada tahun 2021, bangunan Jabatan Oftalmologi telah ditambahbaik dan Jabatan Oftalmologi, Hospital Seri Manjung terus berkembang sehingga kini.

Jabatan Oftalmologi diketuai oleh seorang Pakar Perunding Oftalmologi Jusa C sebagai Ketua Jabatan bersama 2 orang Pakar Oftalmologi, 11 orang Pegawai Perubatan, 4 orang Pegawai Optometri, 3 orang Penolong Pegawai Perubatan, 2 orang Jururawat Terlatih, 4 orang Jururawat Masyarakat dan 3 orang Pembantu Perawatan Kesihatan.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan ini boleh dilihat dengan lebih jelas di Jadual 4.5.1.

Jadual 4.5.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan di Jabatan Oftalmologi

BIL	A. PERKHIDMATAN OFTALMOLOGI
1.	Klinikal Am Oftalmologi
2.	Klinik Diabetik Retinopathy
3.	Klinik Pra Pembedahan
4.	<i>Emergency Eye Clinic</i>
5.	<i>Laser</i>
6.	Pembedahan katarak
7.	Pembedahan Pterygium
8.	Klinik Saringan <i>Retinopathy of Prematurity</i>

BIL	B. PERKHIDMATAN OPTOMETRI
1.	Klinik Optometri Umum
2.	Kanta Lepak
3.	Penglihatan Terhad
4.	Penglihatan Binokular & Ortoptik
5.	Optometri Pediatrik
6.	Terapi Visual
7.	Biometri (A scan)
8.	<i>Pachymetry</i>
9.	<i>Hess Chart</i>
10.	Automated Humphrey Visual Fields
11.	Bjerrum Visual Field
12.	Penglihatan warna

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Jadual berikut menunjukkan jumlah statistik pesakit yang menerima rawatan di Jabatan Oftalmologi.

Jadual 4.5.2 : Jumlah kes pembedahan/ rawatan laser

TAHUN	KES PEMBEDAHAN KATARAK		KES PEMBEDAHAN OFTALMOLOGI	LASER
	PHACO	ECCE		
2022	361	11	436	906
2023	617	4	704	872
2024	693	16	827	858

Jadual 4.5.3 : Jumlah pesakit optometri mengikut prosedur

TAHUN	JENIS PROSEDUR					JUMLAH
	<i>REFRACTION</i>	<i>CONTACT LENS</i>	<i>A-SCAN</i>	<i>VISUAL FIELD</i>	<i>COLOUR VISION</i>	
2022	2953	27	713	1118	660	5471
2023	3534	44	844	1422	549	6393
2024	3262	21	665	1745	607	6300

AKTIVITI

Aktiviti-aktiviti klinik berjalan seperti biasa mengikut jadual seperti di lampiran dengan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh KKM.

Selain dari aktiviti perawatan pesakit, kakitangan Jabatan Oftalmologi juga terlibat dalam kursus- kursus yang dianjurkan oleh pihak hospital dan CME hospital serta aktiviti sosial yang dianjurkan pihak hospital dan pihak Jabatan Kesihatan Negeri.

Pegawai Optometri terlibat dalam aktiviti AVIS 2024 yang dijalankan pada bulan Ogos 2024. Aktiviti ini melibatkan kanak-kanak di tadika-tadika sekitar Seri Manjung.

Pakar Oftalmologi dari jabatan ini juga membuat lawatan sebulan sekali bersama seorang Pegawai Optometri ke Klinik Kesihatan Pulau Pangkor untuk temujanji dan rawatan susulan bagi penduduk Pulau Pangkor yang mempunyai masalah mata.

Berikut adalah aktiviti- aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Oftalmologi sepanjang tahun 2024

Bil	Program / Kursus	Tarikh	Tempat
1.	Majlis Bacaan Yasin Dan Doa Selamat Untuk Dr Syahmi Amir	29 Mac 2024	Klinik Oftalmologi, HSM
2.	Jamuan Perpisahan Pn. Siti Azlina Binti Mohd Yusof	20 April 2024	Klinik Oftalmologi, HSM
3.	Jamuan Perpisahan Dr Long Li Ying	10 Mei 2024	Klinik Oftalmologi, HSM
4.	Sambutan Hari Jururawat Jabatan Oftalmologi	13 Mei 2024	Klinik Oftalmologi, HSM
5.	Perhimpunan Bulanan Julai 2024 Anjuran Jabatan Oftalmologi	19 Julai 2024	Dewan Mutiara, HSM
6.	Pertandingan Dart Jabatan Oftalmologi 2024	22 November 2024	Klinik Oftalmologi, HSM
7.	Jamuan Perpisahan Dr Vaisnavi	27 Disember 2024	Klinik Oftalmologi, HSM

4.0 PERKHIDMATAN WANITA & KANAK KANAK

Perkhidmatan wanita dan kanak-kanak yang terdapat di Hospital Seri Manjung adalah terdiri daripada perkhidmatan dari Jabatan Obstetrik & Ginekologi dan Jabatan Pediatrik.

5.1 JABATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI.

Klinik Pakar Obstetrik dan Ginekologi merupakan klinik pakar yang memberi perkhidmatan pesakit luar melalui rujukan dari luar dan dalam hospital. Perkhidmatan Klinik Pakar Obstetrik dan Ginekologi berfungsi dan beroperasi untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang, professional serta komprehensif bagi melahirkan komuniti wanita dan keluarga yang sihat.

Klinik ini memberi perkhidmatan meliputi penjagaan kesihatan ibu mengandung, selepas bersalin dan ginekologi. Anggota jabatan ini merangkumi pakar perubatan perbidanan & sakit puan (4), pegawai perubatan (17), jururawat (9) dan pembantu perawatan kesihatan (1).

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan ini adalah seperti di Jadual 5 (i).

Jadual 5.1.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi

BIL	PERKHIDMATAN
1.	<i>Gynaecology</i>
2.	<i>Gynae-Oncology</i>
3.	Kontraseptif
4.	Penjagaan Pra Kehamilan

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Jumlah pesakit yang menerima rawatan di jabatan ini boleh dilihat melalui jadual seperti berikut :-

Jadual 5.1.2 : Jumlah kedatangan pesakit di Klinik Pakar Obstetrik & Ginekologi

TAHUN	JUMLAH
2022	11718
2023	11652
2024	11489

Jadual 5.1.3 : Jumlah kedatangan pesakit obstetrik

TAHUN	JUMLAH PESAKIT				
	<i>Antenal</i>	<i>Postnatal</i>	<i>Combine Clinic</i>	<i>Ultrasound</i>	<i>Day Care</i>
2022	2768	469	276	2289	856
2023	5183	1358	317	2265	848
2024	3516	473	232	2279	498

Jadual 5.1.4 : Jumlah kedatangan pesakit ginekologi

TAHUN	JUMLAH PESAKIT					
	<i>Gynaecology</i>	<i>Gynaeco-onco</i>	<i>Pre-pregnancy</i>	<i>Contraseptive</i>	<i>Colposcopy</i>	<i>Day care</i>
2022	3141	144	230	195	18	411
2023	2971	143	281	187	17	414
2024	3308	142	222	249	37	533

Jadual 5.1.5 : Jumlah kes bersalin mengikut tahun

TAHUN	NORMAL	PEMBEDAHAN	JUMLAH PESAKIT
2022	1887	1451	3338
2023	1943	1314	3257
2024	1987	1529	3516

AKTIVITI

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan adalah seperti berikut :-

Jadual 5.1.6 : Aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun 2023

BIL	AKTIVITI
1	Sambutan Hari Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2024
2	Audit Penyusuan Susu Ibu (HSM telah berjaya mengekalkan status Hospital Rakan bayi bagi tempoh 3 tahun)
3.	Kursus Laktasi 20 Jam

5.2 JABATAN PEDIATRIK

Jabatan Pediatrik memberi rawatan kepada semua pesakit yang memerlukan perkhidmatan dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KKM. Jabatan ini merangkumi Klinik Pakar Pediatrik, Unit SCN/NICU dan Wad 5.

KLINIK PAKAR PEDIATRIK

Perkhidmatan Klinik Pakar Pediatrik berfungsi untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang, professional dan berteknologi yang bersesuaian dengan perkembangan perkhidmatan kesihatan semasa, dengan tujuan memberikan perkhidmatan yang lebih tepat dan efektif, memberi pengetahuan dan informasi berkaitan dengan kesihatan. Perkhidmatan yang diberikan berorientasikan “mesra pelanggan” dan “kami sedia membantu” sebagai usaha untuk memenuhi kepuasan dan kehendak pelanggan. Klinik ini memberi kemudahan untuk melihat perkembangan kesihatan pesakit selepas discaj wad melalui klinik ulangan.

Klinik Klinik Pakar Pediatrik ini juga bekerjasama dengan dietitian untuk mengendalikan kes-kes yang memerlukan perkhidmatan dietetik di *Combine Pediatrik Diabetic Clinic*. Kes-kes kanak-kanak *Retro Viral* yang telah dipilih untuk dilihat oleh doktor pakar perubatan dari Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) juga turut diselia oleh klinik pakar kanak-kanak ini. Klinik ini mengandungi 34 kakitangan yang terdiri daripada seorang ketua jabatan dan pakar perunding, 4 pakar perubatan, 18 pegawai perubatan, 10 orang jururawat, dan seorang pembantu perawatan kesihatan.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diberikan oleh klinik ini adalah seperti berikut:-

Jadual 5.2.1: Perkhidmatan-perkhidmatan di Klinik Pakar Pediatrik

BIL	PERKHIDMATAN
1	Perkhidmatan klinik pakar pediatrik
2	Perkhidmatan Echo
3	Perkhidmatan Klinik <i>RVD (Retro Viral Disease)</i>
4	Perkhidmatan Klinik Respiratori


BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Beban kerja bagi Klinik Pakar Pediatrik boleh dilihat secara ringkas di Jadual 5.2.2.

Jadual 5.2.2: Jumlah kedatangan pesakit

TAHUN	PERKARA						Jumlah
	Kes pakar pediatrik	Klinik ulangan	Klinik Echo	Klinik RVD	Respi	Klinik Neuro	
2022	9175	551	157	22	30	5	9940
2023	11253	539	172	26	31	47	12068
2024	10821	414	119	23	30	38	11445

GRAF 5.2.1 MENUNJUKKAN JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT PADA TAHUN 2024



AKTIVITI

Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia Peringkat Hospital Seri Manjung yang diadakan pada 2 ogos 2024. Sambutan Penyusuan Susu Ibu Sedunia dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Hospital yang diadakan di Dewan Mutiara Hospital. Antara aktiviti- aktiviti yang dianjurkan bersempena sambutan Hari Penyusuan susu ibu Sedunia Peringkat Hospital Seri Manjung ialah mengadakan pertandingan sajak berbentuk video pendek dikalangan warga hospital, pameran booth dari setiap wad O&G dan Pediatrik, pertandingan mewarna untuk kanak – kanak bagi kategori berumur 5 tahun ke bawah dan 10 tahun hingga 12 tahun. Aktiviti demonstrasi senaman untuk ibu antenatal & postnatal yang dilakukan oleh staff Physioterapi juga diadakan semasa hari sambutan tersebut. Bagi menghargai jasa dan sumbangan ahli kumpulan sokongan penyusuan susu ibu Hospital seri manjung, ahli aktif dijemput dan diberikan penghargaan berserta cenderahati. Bagi pertandingan pameran *booth* penyusuan susu ibu yang diwakili oleh JT Sapiah, JT Aminah Ismail dan JM Radziyatun, klinik O&G & POPD memenangi tempat ke 2 manakala bagi pertandingan deklamasi sajak klinik O&G /POPD memenangi tempat ke 2 yang diwakili oleh JM Syamsuriaazma Mohd Kosim.

Sambutan hari Jururawat yang disambut pada 12 Mei diadakan di Klinik O&G, sambutan tersebut dihadiri oleh Penyelia Jururawat O&G/Paed dan semua kakitangan Klinik O&G. Disamping itu juga aktiviti penyerahan hadiah dari komiti Klinik diadakan bagi memeriahkan sambutan tersebut.

JT Norehan Hamzah telah bersara wajib pada 24.1.2024 bertempat di Klinik O&G/POPD. Bagi mengenang jasa dan sumbangan beliau terhadap perkhidmatan, majlis persaraan telah dibuat secara sederhana bagi meraikan beliau.

Audit Hospital Rakan Bayi bagi mengekalkan status Hospital Rakan Bayi telah dijalankan pada 4-6 Jun 2024. HSM telah berjaya mengekalkan status Hospital Rakan bayi bagi tempoh 3 tahun. Audit semula akan dilakukan pada tahun 2027.

SCN/NICU

Wad *Special Care Nursery* (SCN) adalah wad yang memberikan perkhidmatan kepada bayi dibawah umur 28 hari. SCN merupakan wad pelbagai disiplin iaitu perubatan, pembedahan, ortopedik, mata dan neurologi. Bilangan katil rasmi SCN adalah sebanyak 28 katil. SCN juga menerima pesakit pediatrik yang memerlukan bantuan pernafasan dengan *ventilator* dan rawatan rapi.

Pada tarikh 1hb Januari 2019, SCN telah dibahagikan kepada SCN dan *Neonatal Intensive Care Unit* (NICU). SCN memberi perkhidmatan kepada bayi yang dibawah umur 28 hari yang tidak memerlukan rawatan rapi manakala NICU memberi perkhidmatan rawatan kepada bayi yang memerlukan rawatan rapi/ intensif.

Tujuan pengasingan 2-unit ini adalah bagi mengurangkan kesesakkan bayi di SCN/ NICU yang sedia ada, menyediakan suasana yang tenang, selesa dan selamat bagi ibu dan anak. Dengan ini, bayi dapat sentiasa bersama ibunya (*bonding*) dan penyusuan susu ibu dapat dilaksanakan dengan sempurna. Secara tidak langsung jangkitan silang dapat dikurangkan dan dielakkan.

NICU/ SCN juga menyediakan perkhidmatan *Retrieval Team* bagi mengurangkan risiko dan memastikan keselamatan pesakit dalam proses pemindahan dari satu tempat ke tempat yang mempunyai perawatan yang lebih baik.

NICU/ SCN turut menyertai program menaik taraf perkhidmatan perawatan pesakit seperti *Malaysian National Neonatal Registry (MNNR)* dan *Congenital Hypothyroidism Screening* untuk bayi baru lahir.

Kursus dan latihan yang dijalani terdiri daripada *Neonatal Resuscitation Program, Emergency Paediatric Update, Basic Life Support, Continous Medical Education, Continuous Nurses Education, User Training* dan *Simulation*. Antara lain-lain aktiviti yang disertai oeh anggota NICU/ SCN adalah *Kursus Penyusuan Susu Ibu, Hari Jururawat, Kursus Dokumentasi, Jururawat Idaman Ku, Go Fit Don't Quit* dan sebagainya.

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Berikut merupakan statistik kemasukan pesakit Wad NICU:-

Jadual 5.2.3: Jumlah kemasukan, BOR dan Total Pesakit di NICU bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.

TAHUN	KEMASUKAN	BOR
2022	2053	179.8 %
2023	2269	203.7%
2024	2288	219.26%

Jadual 5.2.4 : Jumlah kemasukan, BOR Dan Total Pesakit di SCN bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.

TAHUN	KEMASUKAN	BOR
2022	313	45.9%
2023	282	49%
2024	404	56.4%

Kes utama rujukan keluar Wad NICU adalah untuk bantuan pernafasan, rawatan jantung dan pembedahan ke hospital lain yang mempunyai perkhidmatan yang lengkap. NICU mempunyai 1 team untuk menghantar kes rujukan selain dari staff wad.

Jadual 5.2.5 : Kes Rujukan Ke Hospital Lain

TAHUN PENGIRING	RETRIEVAL TEAM	STAFF WAD
2022	135	39
2023	48	39
2024	65	24

Jumlah kes yang dirujuk dihantar oleh staf wad melebihi *retrieval team*. Perbezaan jumlah ini disebabkan oleh hanya kes yang kritikal sahaja akan dihantar oleh *retrieval team*, kerana tidak mempunyai staf yang mencukupi untuk menghantar semua kes rujukan.

AKTIVITI

Jadual berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Wad SCN/NICU.

Jadual 5.2.6 : Aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang tahun 2023

BIL	AKTIVITI
1	<i>Neonatal Resuscitation Program (NRP)</i>
2	<i>Kursus Emergency Paediatric Update</i>

WAD 5

Wad 5 merupakan sebuah wad kanak-kanak kelas 3 yang terdiri dari pelbagai disiplin iaitu Perubatan, Pembedahan Am, Ortopedik, Mata, ENT dan “Neurology” dan Covid-19. bermula pada tahun 2017, jumlah katil di wad 5 yang sedia ada ialah 34 katil. Jumlah katil-katil ini di bahagikan mengikut penyakit dan keadaan pesakit seperti HDU, Respiratori, ‘Isolasi’, Covid dan beberapa lagi.

Di sini, kami menerima semua jenis kes kanak-kanak yang berumur sebulan sehingga 12 tahun dan berjanji akan memberi rawatan yang terbaik. Mulai tahun 2007, semua kes NAI (Non-accidental incident) yang berumur 12 tahun ke bawah dimasukkan ke wad 5.

Di Wad 5, kami juga memberi rawatan kepada kes-kes yang memerlukan penjagaan rapi. Terdapat peningkatan untuk kes kritikal yang memerlukan bantuan pernafasan secara ventilation. Pesakit akan ditempatkan di wad 5, sementara menunggu kekosongan katil di PICU serta HDU, HRPB.

Pada tahun 2024, kadar kemasukan pesakit kanak-kanak didapati ada penurunan dari tahun-tahun sebelum ini. Jumlah BOR tidak melebihi 100%, kecuali hanya pada bulan September 2024 BOR mencecah 107.6%. Bagi pesakit Covid 19, jumlah katil sebanyak 10 katil, dan jumlah kemasukan juga menurun dengan BOR 1.1%.

AKTIVITI

Walaupun sebahagian besar, daripada pesakit wad ini terdiri daripada pesakit Medikal, namun kami turut menerima kes-kes daripada unit Orthopedik, Surgikal, Mata, dan ENT, OSCC, kes Covid-19 yang berumur 12 tahun ke bawah.

Wad 5 juga mempunyai 2 orang Jururawat dan 4 PPP dalam pasukan Retrieval. Tugas utama anggota ini adalah untuk menghantar kes-kes kritikal dan kes-kes yang disyaki akan *disoriented* dalam perjalanan ke Hospital rujukan. Namun Jururawat/PPP ini perlu mendapat arahan daripada 'Paediatrician oncall' dan HOD terlebih dahulu sebelum pesakit dihantar. Beliau juga ditugaskan untuk membantu Doktor dalam melakukan prosedur major seperti prosedur 'bone marrow', 'lumbar puncture', prosedur memasukkan 'chest tube', prosedur intubasi dan sebagainya.

Selain daripada itu, kes-kes NAI (Non Accidental Injury) yang berumur di bawah 12 tahun ditempatkan di wad ini, sementara yang berumur 18 tahun ke bawah dimasukkan di Wad 1,6, atau 8 sehingga mendapat penempatan sementara daripada pegawai kebajikan.

Seramai 30 pesakit Talasemia mendapatkan rawatan transfusi darah di wad kami. Rawatan kepada mereka diberi sebagai perkhidmatan rawatan harian (DAYCARE). Rawatan ini diberi pada setiap hari Isnin hingga Jumaat, kecuali pada hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan Am.

Pada masa yang sama, kami juga memberi penjagaan dan pemantauan berterusan kepada pesakit post onkologi yang mengalami masalah kesihatan. Biasanya pesakit-pesakit ini daripada HRPB yang tinggal disekitar daerah Seri Manjung.

Selain daripada itu, kami turut memberi perkhidmatan pesakit luar kepada pesakit kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan tukar ‘Ryle’s tube’, ‘flusing’ kemoport, pemberian ubatan Faktor 8 dan sebagainya.

Terdapat juga kes-kes kemasukan secara ‘Daycare’ bagi pesakit-pesakit dari disiplin pembedahan kaank-kanak, dimana ‘Peadiatric Surgical Daycare’ telah diwujudkan dengan bantuan lawatan pakar serta pegawai perubatan dari pasukan Pediatrik Surgical dari HRPB setiap 1 bulan sekali dan maksimum 6 pesakit akan dimasukkan ke wad.

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Jadual 5.2.7 menunjukkan jumlah kemasukkan pesakit ke dalam wad 5 dari tahun 2022, 2023 dan 2024. Jumlah kemasukan pesakit mengikut disiplin boleh dilihat dengan jelas di Jadual 5.2.8.

Jadual 5.2.7 : Jumlah kemasukan wad 5 (pediatrik) 2022 – 2024

TAHUN	JUMLAH
2022	4974
2023	5656
2024	4130

Jadual 5.2.8 : Jumlah kemasukan pesakit mengikut disiplin.

TAHUN	PERUBATAN	PEMBEDAHAN	ORTHO	GYNAE	MATA	ENT	T/IN	JUMLAH
2022	4656	257	50	1	9	1	0	4974
2023	5348	263	28	1	9	0	7	5656
2024	3687	303	99	5	18	0	18	4130

6.0 PERKHIDMATAN DIAGNOSTIK & SOKONGAN KLINIKAL

Perkhidmatan Diagnostik dan Sokongan Klinikal di Hospital Seri Manjung terdiri daripada perkhidmatan Jabatan Patologi dan Transfusi, Jabatan Radiologi, Jabatan Farmasi, Jabatan Dietetik dan Sajian, Unit Perubatan Forensik, Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perkhidmatan, Unit Kejururawatan, Unit Rekod Perubatan, Unit Fisioterapi, Unit Pemulihan Carakerja, Unit Kerja Sosial Perubatan, Unit Pendidikan Kesihatan, Unit Pertuturan, Unit Kualiti, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Unit Casemix, Unit Kawalan Infeksi dan Pusat Penyelidikan Klinikal.

6.1 JABATAN PATOLOGI DAN PERUBATAN TRANSFUSI

Jabatan Patologi Hospital Seri Manjung menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti di Jadual 1.1. Jabatan ini terdiri daripada 67 orang kakitangan termasuklah 3 orang Pakar Patologi, 1 orang Pakar Transfusi, 8 orang Pegawai Perubatan dan 6 orang Pegawai Sains (3 Kimia Hayat, 2 Mikrobiologi dan 1 Biomedik). Manakala unit ini turut disokong oleh 41 orang Juruteknologi Makmal Perubatan, 2 orang Jururawat, seorang Pembantu Tadbir, 3 orang Pembantu Perawatan Kesihatan, seorang Pegawai Penerangan (Seranta) dan seorang Juruotokleb.

Jadual 1.1: Perkhidmatan-Perkhidmatan Di Jabatan Patologi


Bil	Perkhidmatan
1	Patologi Kimia
2	Mikrobiologi dan Serologi
3	Intergrasi dan Hematologi
4	Transfusi Darah

BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Jadual 2.1: Jumlah Bilangan Spesimen Dan Beban Kerja Bagi Tahun 2024

	Jumlah Bilangan Spesimen	Jumlah Beban Kerja
Patologi Kimia	231,901	1,145,136
Hematologi	120,517	136,799
Mikrobiologi	50,833	87,858
Transfusi Darah	38,769	155,373
Histologi dan Sitologi	65	65
Rujukan Luar		
Patologi Kimia	5734	6712
Hematologi	2397	2397
Mikrobiologi	4754	4754
Histologi dan Sitologi	3811	3876
Jumlah Rujukan Luar	16,696	17,674
Jumlah Keseluruhan	458,781	1,542,905

Graf 2.1: Bilangan Sampel & Beban Kerja Jabatan Patologi Mengikut Bulan Tahun 2024



Jadual 2.2: Beban Kerja Keseluruhan Mengikut Unit Selama 5 Tahun

Tahun	Unit					Jumlah
	Patologi Kimia	Hematologi	Mikrobiologi	Transfusi	Rujukan Luar	
2020	92,6935	111,676	63,040	302,897	4,555	1,106,206
2021	1,087,032	119,316	76,946	233,557	14,098	1,297,392
2022	1,152,537	126,252	90,511	171,022	21,214	1,561,536
2023	1,173,013	137,455	87,325	197,604	20,333	1,615,730
2024	1,145,136	136,864	87,858	155,373	17,674	1,542,905

Beban kerja tahun 2024 menunjukkan penurunan kerana terdapat beberapa faktor:

1. Kekangan reagen ujian patologi kimia disebabkan telah tamat tender yang menyebabkan beberapa perkhidmatan ujian terpaksa diberhentikan terutama ujian-ujian rujukan luar ke HRPB.
2. Saringan permohonan ujian terhadap beberapa ujian yang ditawarkan.

AKTIVITI

LATIHAN KAKITANGAN JABATAN PATOLOGI

Target 2024: 100% Kakitangan Jabatan Patologi mencapai >7 hari berkursus (e-latihan) / >40 mata myCPD (*cummulative points*) / >20 mata myCPD (*actual points*).

Jadual 3.1: Latihan Yang Telah Disertai Oleh Kakitangan Jabatan Tahun 2024

Bil	TARIKH KURSUS / BENGKEL	TAJUK KURSUS / BENGKEL
1	4/1/2024	Kursus Pementapan Perlaksanaan Pengurusan Tender (Bekalan & Perkhidmatan) Bagi Penyediaan Spesifikasi, Tekninal & Kewangan di bawah KKM
2	15/1/2024	User Training For Autoclave Tomy (11am-4pm)
3	16/1/2024	Online Kursus Audit Dalaman Bagi MS ISO 15189 (9am-5pm)
4	30- 31/01/2024	Online Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan (KKM) (8am-5pm)
5	31/1/2024	Taklimat Perlaksanaan Sub Modul Nilai Sepunya
6	9/2/2024	Kursus Penerapan Nilai-Nilai Murni
7	15/2/2024	Bengkel Penyelarasan Pelaporan Terperinci Stok Bekalan Perubatan KKM (8-5pm)
8	21/2/2024	Echo Training: Bengkel Penyelarasan Pelaporan Terperinci Stok Bekalan Perubatan (Reagen & Konsumabel)
9	28/2/2024	Latihan Pengguna: Pengendalian CLS & LLS
10	4/3/2024	Bioline Influenza A/B Training
11	8/3/2024	Kursus Penerapan Nilai-Nilai Islam
12	13/3/2024	Kursus Panduan Berpuasa Untuk Pesakit
13	14/3/2024	Latihan Pengguna FEMS: Basic Air Conditioning System
14	20/3/2024	Online Course: Clinical Laboratory Risk Assessment
15	21/3/2024	Refreshment Training: Leptospirosis, MIC Reading & Bacterial Serotyping
16	25/3/2024	Kursus Denggi, Tuberculosis, Malaria & Leptospirosis Bil 1/2024
17	27/3/2024	Kursus Penerapan Nilai-Nilai Murni: Majlis Tadarus Alquran
18	22- 23/04/2024	Kursus Basic Statistic Workshop 2024
19	23- 25/04/2024	Kursus Ulangkaji Mikroskopi Malaria Bil 1/2024 di MKAI
20	8/5/2024	Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti & Psychological First Aid

21	10/5/2024	Bengkel Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya Hosp Kluster Manjung (9am-5pm)
22	14-15/05/2024	Kursus Budaya Korporat Peringkat Hospital Kluster Manjung
23	24/5/2024	Sambutan Hari Hand Hygiene Sedunia Peringkat Hospital Kluster Manjung
24	24/5/2024	NQAP 2024 And Culture Preservation Techniques
25	28/5/2024	Kursus Pengurusan Stor Hospital Yang Professional
26	5/6/2024	Program Kesedaran Kewangan: Celik Wang Minda Tenang
27	7/6/2024	BACTEC FX Operating Training
28	10-11/06/2024	Kursus DUTA CELIK eP: Pengukuhan Perolehan Bekalan & Perkhidmatan dalam system ePEROLEHAN
29	10/6/2024	Kursus Denggi, Tuberculosis, Malaria & Leptospirosis
30	11/6/2024	Kursus Kawalan Infeksi 1/2024 Paramedik
31	11-13/06/2024	Kursus Fluorescence Microscopy for AFB
32	14/6/2024	Kursus Penghayatan Nilai Islam (Ibadah Qurban)
33	19/6/2024	Kursus Kawalan Infeksi 2/2024 Paramedik
34	24/6/2024	Bengkel Audit Klinikal Bil 1/2024
35	25/6/2024	Kursus Keselamatan Kebakaran oleh Bomba
36	25/6/2024	Bengkel Perolehan Reagen Jab Patologi Neg Perak
37	28/6/2024	Kursus Kawalan Infeksi 1/2024 Non Paramedik
38	9/7/2024	Kursus Non Communicable Disease (NCD) / Diabetes Bil 1/2024
39	11/7/2024	Bengkel Literature Search & Referencing Workshop 2024 peringkat Daerah manjung
40	12/7/2024	Klinik HIRARC Bil 1/2024
41	18/7/2024	Kursus Inherited Metabolic Diseases: An Interactive Case Based Approach
42	24/7/2024	Kursus Pengurusan Perolehan kerjaan Bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) Zon Utara
43	29-30/07/2024	Kursus Transisi MS ISO 15189:2022 Peringkat Kebangsaan 2024
44	9/8/2024	Webinar on “Why Non-HDL Cholesterol Matters”
45	12/8/2024	Virtual User Training for ABON Faecal Occult Blood (FOB)
46	13-14/08/2024	Bengkel Scientific Writing Online Workshop 2024 Anjuran CRC, HSM
47	13/8/2024	Latihan pengguna: Pengendalian Sistem PABX dan system telefon di HSM

48	21/8/2024	Kursus Pemantapan Pengurusan Stor Juruteknologi Makmal Perubatan Negeri Perak
49	27- 29/08/2024	Kursus Ulangkaji Mikroskopi Malaria Bil 2/2024 anjuran MKAI
50	03- 04/09/2024	Peserta Program Sihat, Cergas & Ceria Sempena Bulan Malaysia Sihat Sejahtera Peringkat Hospital Seri Manjung
51	4/9/2024	Bengkel Persediaan ke Mahkamah bagi kakitangan Makmal Dadah, Jab Patologi Hosp KKM
52	5/9/2024	Seminar Pemurnian Kaedah Thin Layer Chromatography bagi kakitangan Makmal Dadah, Jab Patologi, Hosp KKM
53	10/9/2024	Bengkel National Medical Research Register (NMRR) 2024
54	10- 11/09/2024	Bengkel Verifikasi Peralatan Pengukuran Peringkat Negeri
55	13/9/2024	Kursus Penghayatan Islam Maulidurrasul
56	23/9/2024	Kursus Denggi, Tuberculosis, Malaria, Leptospirosis Bil 3/2024
57	23/9/2024	Kursus Handling, Collection & Transportation of Sample
58	26/9/2024	Bengkel Etika Perubatan, Hospital Kluster Manjung Bil 1/2024
59	30/9/2024	Bengkel Action Research Hospital Kluster Manjung
60	1/10/2024	Minggu Kesedaran kerintangan Antimikrob Sedunia “Peringkat Hospital Seri Manjung” 2024
61	2/10/2024	Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Peringkat HSM
62	3/10/2024	Bengkel Algoritma Pengurusan Pendermaan Reaktif dan Seroconvert 3.0
63	3/10/2024	Bengkel Lean Healthcare Hospital Kluster Manjung
64	10/4/2024	Kursus Kesedaran Zero Tolerance to Sexual Harassment Peringkat Hospital Kluster Manjung
65	21- 22/10/2024	Workshop for Medical Laboratories: Best Approaches in Medical Laboratories Peringkat Negeri Perak
66	23/10/2024	Kursus Pengurusan Automasi Pejabat (Platform Google) Siri 2/2024
67	24/10/2024	Kursus Pengurusan Automasi Pejabat (Platform Google) Siri 3/2024
68	30/10/2024	Pengurusan Kod Grey & Black (Ancaman Kekerasan) HSM



Jadual 3.2: Pencapaian Latihan Kakitangan Jabatan Patologi 2024

	>40 mata myCPD (kumulatif)/ >7 hari berkursus	<40 mata myCPD (kumulatif)/ <7 hari berkursus	>20 mata myCPD (actual)/ >3 hari berkursus	<20 mata myCPD (actual)/ <3 hari berkursus
Bilangan kakitangan	66	1	66	1
Jumlah kakitangan Jabatan	67	67	67	67
Peratus%	98.5	1.5	98.5	1.5

Pencapaian :

- 98.5% >40 mata (*cummulative points*) / 7 hari berkursus
- 98.5 % >20 mata mycpd (*actual points*) / >3hari berkursus
- 1.5% <40 mata myCPD (*cummulative points*) / < 7hari berkursus/ <20 mata myCPD/ <3 hari berkursus:
 - 1 kakitangan MyCPD (PSKH)- Cuti sakit dari 1.1.2024 sehingga 31.1.2024

Graf 3.1 & 3.2: Pencapaian Latihan Kakitangan Jabatan Patologi 2024




3.0 PENCAPAIAN KUALITI

Objektif Kualiti Perkhidmatan Patologi adalah:

1. Indikator 1: $\geq 90\%$ of *Laboratory Turn Around Time (LTAT) for urgent (STAT) requests within specified timeframe.*
2. Indikator 2: *100% notification of critical value results within 30 minutes after result verification.*
3. Indikator 3: *Specimen rejection rate < 1.0.*


Graf 3.3: Indikator 1 : $\geq 90\%$ of *Laboratory Turn Around Time (LTAT) for urgent (STAT) requests within specified timeframe*



Jadual 3.3: Indikator 1 : $\geq 90\%$ of *Laboratory Turn Around Time (LTAT) for urgent (STAT) requests within specified timeframe*

Numerator (N)	No. of urgent (STAT) made for laboratory tests and complied to the timeliness of results for the corresponding period.											
Denominator (D)	Total no. of urgent request made for laboratory tests for the corresponding period											
Period	Jan,24	Feb,24	Mar,24	Apr,24	May,24	Jun,24	Jul,24	Aug,24	Sep,24	Oct,24	Nov,24	Dec,24
N	8,170	7,697	7,787	9,871	8,723	7,179	7,816	6,960	6,232	6,490	5,183	5,641
D	8,457	7,928	961	10,278	8,989	7,446	8,104	7,183	6,536	6,797	5,305	5,871
%	96.6	97.1	97.8	96.0	97.0	96.4	96.4	96.9	95.3	95.5	97.7	96.1
Remarks	Achieved the standard target ($\geq 90\%$)											


Graf 3.4: Indikator 2 : 100 % notification of critical value results within 30 minutes after result verification



Jadual 3.4: Indikator 2 : 100 % notification of critical value results within 30 minutes after result verification

Period	Jan,24	Feb,24	Mar,24	Apr,24	May,24	Jun,24	Jul,24	Aug,24	Sep,24	Oct,24	Nov,24	Dec,24
Numerator (N)	Number of critical laboratory test results notified within 30 min after result verification											
Denominator (D)	Total number of critical laboratory test results.											
N	730	716	701	655	668	817	569	593	457	653	561	560
D	730	716	701	655	668	817	569	593	457	653	561	560
%	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
Remarks	Achieved the standard target (100%)											

Graf 3.5: Indikator 3: Specimen rejection rate < 1.0



Jadual 3.5: Indikator 3: Specimen rejection rate < 1.0


Numerator (N)	No. of urgent (STAT) made for laboratory tests and complied to the timeliness of results for the corresponding period.											
Denominator (D)	Total no. of urgent request made for laboratory tests for the corresponding period											
Period	Jan,24	Feb,24	Mar,24	Apr,24	May,24	Jun,24	Jul,24	Aug,24	Sep,24	Oct,24	Nov,24	Dec,24
N	527	539	455	395	416	333	382	394	318	382	383	309
D	42,729	40,341	39,479	36,264	41,680	38,524	41,535	41,755	38,845	41,336	37,517	38,797
%	1.23	1.34	1.15	1.09	1.00	0.86	0.92	0.94	0.82	0.92	1.02	0.80
Remarks	The rejection rate has declined between Apr-Oct with performance rate <1.0.											

Kualiti objektif ini secara puratanya adalah tercapai. Kriteria bagi indicator ini telah disemak semula dan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh standard MSQH. Pelbagai langkah penambahbaikan masih diteruskan seperti memo analisis penolakan permohonan secara bulanan kepada semua Ketua Jabatan dan kursus *Phlebotomy Best Practices* kepada semua Pegawai Perubatan Siswazah. Pemantauan terhadap kualiti objektif ini masih dilaksanakan.

Bagi objektif kualiti perkhidmatan Perubatan Transfusi:

1. Memastikan *zero defect* dalam transfusi darah

Graf 3.6: Memastikan zero defect dalam transfusi darah



Jadual 3.6: Memastikan zero defect dalam transfusi darah

Numerator (N)	Total number of transfusion given											
Denominator (D)	Number of Incorrect Blood Component Transfused (IBCT)											
Period	Jan,24	Feb,24	Mar,24	Apr,24	May,24	Jun,24	Jul,24	Aug,24	Sep,24	Oct,24	Nov,24	Dec,24
N	574	608	640	529	515	543	570	595	489	618	550	539
D	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
%	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Remarks	Achieved the standard target (0%)											

3.1 QUALITY ASSURANCE PROGRAM

Bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti, mematuhi standard piawaian dan jaminan setiap keputusan ujian yang dikeluarkan adalah tepat, Jabatan Patologi telah mengambil bahagian dalam pelbagai program kawalan mutu di peringkat Kebangsaan dan antarabangsa (*External Quality Assurance*). Di samping itu, *Quality Assurance Program* juga adalah salah satu keperluan untuk mendapatkan akreditasi program MS ISO 15189 (Klausa 7.3.7.3)

Jadual 3.7: Senarai Program EQA 2024

BIL	NAMA PROGRAM	PENGANJUR	PARAMETER	STANDAR	SASARAN	PENCAPAIAN
A.	Patologi Kimia					
1.	EQAS Hemoglobin	BIORAD, USA	HbA1C	z score $< \pm 2$	$\geq 100\%$ of participated parameter in each samples achieve z score $< \pm 2$	Semua tercapai
2.	RIQAS Monthly Clinical Chemistry	RANDOX, UK	Routine Biochemistry	Ts>50	$\geq 80\%$ of participated parameter in each samples achieve Target Score (TS)>50	Semua tercapai
3.	RIQAS Immunoassay	RANDOX, UK	TSH, FT4, Ferritin, Total PSA, Total hCG	TS > 50	$\geq 80\%$ of participated parameters in each samples achieve Target Score (TS) >50	Semua tercapai
4.	RIQAS Specific Protein	RANDOX, UK	CRP	TS > 50	100% achieve Target Score (TS) >50	Semua tercapai
5.	RIQAS Therapeutic Drugs	RANDOX, UK	ACTM, Carba, Dig, Genta, Valp, Vanco, Theo, Ptn	TS > 50	$\geq 80\%$ of participated parameters in each samples achieve Target Score (TS) >50	Semua tercapai

6.	RIQAS Monthly Human Urine	RANDOX , UK	<i>Urine Chemistry</i>	TS > 50	<i>≥ 80% of participated parameters in each samples achieve Target Score (TS) >50</i>	Semua tercapai
7	RIQAS Ammonia/Ethanol	RANDOX , UK	<i>Ammonia</i>	TS > 50	<i>100% achieve Target Score (TS) >50</i>	Semua tercapai
8	RIQAS Cardiac Plus	RANDOX , UK	<i>Troponin I, NT-ProBNP</i>	TS > 50	<i>≥ 80% of participated parameters in each samples achieve Target Score (TS) >50</i>	Semua tercapai kecuali Sampel 4 disebabkan oleh isu sampel low level, di bawah julat ukuran mesin.
9	National Drug Quality Control Program (NDQCP)	RANDOX , UK	<i>Delta-9-THC-COOH , Morphine, Codeine</i>	100% Correctness	<i>100% correctness in detection of analyte of interest</i>	Semua tercapai
B	Hematology					
1	Full Blood Count	RCPA	FBC	APS < 1	<i>100 % of participated parameter in each samples achieve APS < 1</i>	Semua tercapai kecuali sampel 24-09 pada mesin Sysmex XN-2. Pemantauan dan troubleshooting telah dilakukan.
2	Reticulocyte Option 2 Automated	RCPA	<i>Retic</i>	APS < 1	<i>100 % of participated parameter in each samples achieve APS < 1</i>	Semua tercapai. Keputusan sampel 6 masih belum diterima.

3	Hemostasis	RCPA	<i>Coagulation Profile</i>	APS < 1	100 % of participated parameter in each samples achieve APS < 1	Semua tercapai kecuali sampel 24-01 (Survey 1) dan sampel 24-04 (Survey 2) untuk Max 2, dan sampel 24-07 (Survey 4) untuk Max 3. Pemantauan dan troubleshooting telah dilakukan.
4	D-Dimer Automated	RCPA	<i>D-Dimer</i>	APS < 1	100 % of participated parameter in each samples achieve APS < 1	Semua tercapai
5	Automated Differential - Option 1	RCPA	<i>White Cell Count</i>	APS < 1	≥ 80 % of participated parameter in each samples achieve APS < 1	Semua tercapai
6	Blood Film Differential Count	RCPA	<i>White Cell Count</i>	APS < 1	≥ 80 % of participated parameter in each samples achieve APS < 1	Semua tercapai. Keputusan bagi Sampel 6 masih belum diperoleh.
7	Bone Marrow Morphology	RCPA	<i>Peripheral Blood Films, Bone Marrow Aspirate, Trepine sections</i>	≥ 80 %	≥ 80 % per survey	Semua tercapai
8	G6PD	RCPA	<i>G6PD</i>	≥80%	≥80% per survey	Semua tercapai

9	Urinalysis (Mac 2024 sehingga Februari 2025)	BIORAD , USA	Urinalysis-Strip	100% of participated parameter in each samples meet consensus	100% of participated parameter in each samples meet consensus	Semua tercapai kecuali sampel 10. 11 dan 12.
C	Mikrobiologi					
1	Anti-HIV (NEQAS)	NIH	<i>Anti-HIV</i>	100%	100%	Semua tercapai
2	HBsAg & Anti-HCV (NEQAS)	NIH	HBsAg & <i>Anti-HCV</i>	100%	100%	Semua tercapai
3	Mikrobiologi (NQAP)	NIH	<i>Culture & Sensitivity</i>	ID ≥ 80 % Sensitivity ≥ 80 %	ID ≥ 100 % Sensitivity ≥ 100 %	Semua tercapai kecuali keputusan sampel Julai-Disember masih belum diperoleh
4	Acid Fast Bacilli (AFB)	MKAI	TB	>80%	100%	Semua tercapai
5	Microscopy Malaria	MKAI	Malaria	≥ 80 %	≥ 80 %	Semua tercapai

6	RCPA SYPHILIS	RCPA	SYPHILIS	≥ 80 % Conse nsus	≥ 80 %	Semua tercapai
D	Transfusi					
1	Basic Compatibilty	RCPA	<i>Blood Grouping, Antibody Screen, Crossmatch /compatibilit y testing/ DAT</i>	≥ 80 %	≥80 % score for each survey	Semua tercapai kecuali keputusan sampel 6 masih belum diperolehi
2	Phenotyping	RCPA	RBC Phenotypin g	≥ 80 %	≥80 % score for each survey	Semua tercapai
3	NEQABB	PUSAT DARAH NEGAR A	<i>Blood Grouping, Antibody Screen, Crossmatch /compatibil t y testing/ DAT</i>	≥ 80 %	Score ≥ 90 % for each cycle	Semua tercapai

6.2 JABATAN RADIOLOGI

Jabatan ini mulai beroperasi sejak Hospital Seri Manjung dibuka pada tahun 1995. Jabatan ini menyediakan perkhidmatan pengimejan kepada pesakit dalam, pesakit luar, Klinik Pakar, Jabatan Kecemasan dan Traumatologi dan pesakit yang dirujuk dari Klinik Kesihatan yang berhampiran termasuk dari Hospital Seri Iskandar serta klinik swasta. Jabatan ini terdiri daripada pakar perubatan radiologi (4), pegawai perubatan (9), juru X-ray (18), jururawat (2) serta pembantu perawat kesihatan (3).

PERKHIDMATAN

Jabatan Radiologi merupakan jabatan yang memberi perkhidmatan sokongan klinikal dalam bidang Pengimejan Diagnostik yang terdiri daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang di senaraikan di Jadual 6.2.1.


Jadual 6.2.1 : Perkhidmatan yang disediakan di Jabatan Radiologi

BIL	PERKHIDMATAN
1	Radiografi Am - pemeriksaan X-ray pada anggota badan dan pemeriksaan ini dibuat apabila jabatan menerima permintaan x-ray dari Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan.
2	Mammogram - Mammogram merupakan pemeriksaan yang penting untuk mengesan kanser payudara
3	CT Scan - CT Scan merupakan Imbasan tomografi yang membolehkan doktor melihat kondisi di dalam badan. Ia menggunakan gabungan sinar-X dan komputer untuk menghasilkan gambar organ, tulang dan tisu lain. CT Scan akan menghasilkan imej 3D yang lebih baik dari imej X-ray yang biasa.
4	Ultrasound -Ultrasound adalah salah satu cabang pengimejan yang menggunakan gelombang bunyi berfrekuensi tinggi untuk menghasilkan imej organ dan struktur di dalam badan untuk melihat jantung, saluran darah, buah pinggang, hati, dan organ lain selain memantau kesihatan janin.
5	Penggunaan Mesin Floroskopi di Dewan Bedah - Pakar memerlukan bantuan Juru X-ray menggunakan peralatan fluoroskopi mudah gerak untuk mengambil imej X-ray bagi memastikan peralatan dan implan yang dipasang pada anggota pesakit adalah di dalam kedudukan yang betul dan tepat.
6	<i>Interventional Radiography (IR)</i> - Satu cara untuk mendiagnosis penyakit tanpa melakukan pembedahan yang besar. Pakar Radiologi menjalankan prosedur IR dengan menggunakan alat kecil, seperti jarum atau tiub, dan memasukkan alatan yang sesuai bagi proses pengambilan tisu badan atau proses rawatan dengan menggunakan bantuan dari peralatan pengimejan seperti ultrasound atau imbasan CT Scan.

BEBAN KERJA DAN STATISTIK


Jadual 6.2.2 menunjukkan jumlah pesakit yang berdaftar dari tahun 2022 sehingga 2024 di Jabatan Radiologi Hospital Seri Manjung.

Statistik beban kerja Jabatan Radiologi dari tahun 2020-2024




4.2 Trending And Tracking Performance Indicator Jabatan Radiologi


GRAF 1: Percentage Of Rejected Radiographs/Radiographic Images




GRAF 2: Percentage Of Patient Developed Significant Contrast Media Extravasation Following Ct Examination With Intravenous (IV) Contrast



GRAF 3: Percentage Of Patients With Waiting Time Of ≤60 Minutes For Commencement Of Ultrasound Examination



GRAF 4: Percentage Of Turnaround Time With Of 45 Minutes Of Urgent Plain Radiographic Examination Requested By Trauma Emergency Department



6.3 JABATAN FARMASI

Jabatan Farmasi telah wujud sejak pembukaan hospital ini dengan objektif untuk mengoptimumkan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal yang komprehensif kepada pesakit serta mempromosikan penggunaan ubat yang rasional dan kos-efektif selaras dengan amalan perkembangan farmasi terkini. Secara umumnya, staf jabatan ini terlibat secara profesional dalam mengoptimumkan rawatan pesakit dengan memastikan pesakit menerima ubat yang betul, dos yang selamat, cara pemberian ubat yang betul dan kesan sampingan ubat yang minimum. Selain itu, Jabatan ini juga menjalankan aktiviti perolehan dan pembekalan untuk memastikan ubat-ubatan boleh dibekalkan secara berterusan kepada pesakit.

Perkhidmatan 24 jam bermula sejak Mei 2012 di mana selepas waktu pejabat hari bekerja, Sabtu, Ahad dan cuti umum, pembekalan ubat kepada pesakit Jabatan Kecemasan, pesakit dalam wad dan pesakit discaj dijalankan di Unit Farmasi Satelit.

Jabatan ini mempunyai kekuatan seramai 65 Pegawai Farmasi, 19 Penolong Pegawai Farmasi dan 12 staf sokongan. Jabatan ini diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Farmasi (KPF) dan dibantu oleh ketua-ketua unit untuk memastikan perkhidmatan-perkhidmatan Farmasi disampaikan kepada pesakit secara professional dan berkesan

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan adalah selama 24 jam bermula sejak Mei 2012 di mana selepas waktu pejabat hari bekerja, Sabtu, Ahad dan cuti umum, pembekalan ubat kepada pesakit Jabatan Kecemasan, pesakit dalam wad dan pesakit discaj dijalankan di Unit Farmasi Satelit. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan ini boleh dilihat secara terperinci di Jadual 6.3.1.

Jadual 6.3.1 : Perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Farmasi

BIL	PERKHIDMATAN
1	Farmasi Ambulatori (FA)
2	Farmasi Satelit (FS)
3	Farmasi Bekalan Wad (FBW)
4	Farmasi Wad Klinikal
5	Farmasi Farmakokinetik
6	Farmasi Logistik
7	Farmasi Pengeluaran Steril/Non-sterile (CDR & Manufacturing)
8	Farmasi Pusat Maklumat Ubat (DIS)
9	Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)
10	Klinik Terapi Berhenti Merokok
11	Program Rawatan Terapi Gantian Methadone
12	Kaunseling Individu dan Berkumpulan
13	Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS)

14	Pharmacy Home Care Services Psychiatry (HCPS Psy)
15	Kaunter Farmasi Pandu Lalu

BEBAN KERJA/STATISTIK

Jadual 6.3.2 menunjukkan laporan perkhidmatan farmasi dari tahun 2021 sehingga 2023.

Jadual 6.3.2 : Laporan Perkhidmatan Farmasi

PERKARA	2022	2023	2024
Bil. Preskripsi Farmasi Ambulatori	264 020	275 764	265 845
Bil. Item Farmasi Bekalan Wad & Discaj	89 745	94 281	94 818
Bil. Item “Unit of Use”	0	0	0
Bil. Item “Unit of Dose”	415 016	302 649	440 562
Bil. Pembungkusan Semula	544 662	827 767	834 182
Bil. Pertanyaan DIS	4 572	2 275	1 877
Bil. Pesakit Dikaunsel	11 971	13 438	12 561
Bil. Ujian TDM	2 178	2 395	2 452
Bil. Sediaan CDR	1 563	1 422	1 589
Bil. Kes Wad “Clerked”	5 992	6 012	7 547
Bil. Khidmat MTAC	648	1 078	1 794
Bil. ADR	171	173	164
Bil. Medication Error	154	171	123
Bil. Dos Terapi Gantian Metadon	7 967	8 577	9 901
Nilai Perolehan (RM juta)	25.786	26.679	30.966
Nilai Bekalan (RM juta)	25.786	26.679	30.966

PENCAPAIAN

Pada tahun 2024, Jabatan Farmasi telah menerima pencapaian atau anugerah di peringkat Negeri Perak seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : Senarai Anugerah Jabatan Farmasi Hospital Seri Manjung yang diterima sepanjang tahun 2024

BIL	PERKARA
1	Tempat Kedua Oral Presentation, 12 th National Pharmacy R&D Conference 2024
2	Research Mentorship Excellence Award, 12 th National Pharmacy R&D Conference 2024, En. Gobi Hariyanayagam a/l Gunasekaran

AKTIVITI

Aktiviti pendidikan pesakit dan aktiviti latihan anggota yang dijalankan di Jabatan Farmasi pada tahun 2023 ditunjukkan di Jadual 6.3.4 dan Jadual 6.3.5 masing-masing.

Jadual 6.3.4: Aktiviti Pendidikan Pesakit yang Dijalankan pada Tahun 2024

BIL	PERKARA
1	Pameran Kenali Ubat Anda di Kursus Asas Haji Daerah Manjung
2	Pameran Kenali Ubat Anda di AEON Seri Manjung
3	Pameran Hari Bersama Pelanggan & Promosi Sistem Nilai Tambah Farmasi
4	Pameran Kenali Ubat Anda sempena Karnival Kesihatan dan Kesedaran Alam Sekitar
5	Pameran Kenali Ubat Anda sempena World Pharmacist's Day
6	Pameran Kenali Ubat Anda sempena Hari Fisioterapi
7	Pameran Antimicrobial Awareness Week

**Jadual 6.3.5: Aktiviti Latihan Anggota yang Dijalankan Pada Tahun 2024

BIL	PERKARA
1	Continuous Professional Development (CPD) Farmasi
2	UNikl Degree Student TPN Briefing Aseptic
3	TPN Echo Training
4	Kursus Orientasi Staff Jabatan Farmasi
5	Taklimat Protocol MTAC Psoriasis
6	Taklimat Pemeriksaan Wad
7	Taklimat Dokumentasi Wad
8	Sambutan Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia Peringkat Negeri Perak
9	Kursus Budaya Korporat Peringkat HSM
10	Echo Training MTAC Psoriasis
11	Medication Safety : Actual Medication Errors in HSM 2023
12	Echo Training MTAC RVD
13	Kursus Medication Safety
14	Echo Training MTAC Warfarin
15	Perhimpunan Pagi HSM Bulanan dan Sambutan Hari Farmasi Sedunia
16	Echo Training CPG Rheumatology
17	Kursus KIK,QA dan Inovasi
18	Bengkel <i>Good Clinical Practice (GCP)</i>
19	Kursus <i>Pain Free Hospital</i>
20	Sesi Pengukuhan Proses Kerja Modul-modul PHIS & CPS Negeri Perak 2023

** Senarai latihan dan kursus yang terperinci boleh didapati dalam Laporan Latihan dan Kursus Jabatan Farmasi, HSM 2024

6.4 JABATAN SAJIAN DAN DIETETIK

Jabatan Dietetik dan Sajian berfungsi untuk menyediakan hidangan diet normal dan diet terapeutik yang bermutu kepada pesakit dalam membantu mempercepatkan proses pemulihan pesakit secara maksima dan berkesan serta memberi perkhidmatan dietetik klinikal bagi pesakit dalam dan pesakit luar.

Terdapat 3 perjawatan di dalam Jabatan Dietetik dan Sajian iaitu Pegawai Dietetik, Penolong Pegawai Penyediaan Makanan dan Pembantu Penyediaan Makanan. Jumlah keseluruhan kakitangan dalam jabatan ini adalah seramai 25 orang sahaja.

PERKHIDMATAN

Jadual 1 : Perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Dietetik dan Sajian

BIL	PERKHIDMATAN
1	Menyediakan makanan untuk pesakit dalam dan doktor yang bertugas atas panggilan
2	Pengurusan Stor Utama Sajian
3	Menyediakan perkhidmatan dietetik klinikal

BEBAN KERJA/STATISTIK

Jadual 2 menunjukkan beban kerja atau statistik bagi tempoh 2021-2023 jumlah klien yang telah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Dietetik dan Sajian yang terdiri daripada beberapa pecahan perkara perkhidmatan.

Jadual 2 : Jumlah klien

TAHUN	PERKARA	JUMLAH
2022	Jumlah hidangan diet normal	133724
	Jumlah hidangan diet terapeutik	263768
	Bilangan hidangan doktor bertugas atas panggilan	90520

	Bilangan hidangan Doktor di dewan bedah	15590
	Bilangan hidangan Paramedik di dewan bedah	
	Bilangan kes pesakit yang dirujuk/konsultasi	3440
2023	Jumlah hidangan diet normal	144812
	Jumlah hidangan diet terapeutik	315930
	Bilangan hidangan doktor bertugas atas panggilan	90520
	Bilangan hidangan Doktor di dewan bedah	15359
	Bilangan hidangan Paramedik di dewan bedah	
	Bilangan kes pesakit yang dirujuk/konsultasi	3632
2024	Jumlah hidangan diet normal	158276
	Jumlah hidangan diet terapeutik	259752
	Bilangan hidangan doktor bertugas atas panggilan	76432
	Bilangan hidangan Doktor di dewan bedah	25509
	Bilangan hidangan Paramedik di dewan bedah	
	Bilangan kes pesakit yang dirujuk/konsultasi	4350

AKTIVITI

Pada tahun 2024 Jabatan Dietetik dan Sajian telah menjalani aktiviti berkaitan keselamatan makanan dan aktiviti peningkatan kualiti untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang disediakan. Beberapa siri audit telah dilaksanakan seperti jadual 3. Beberapa sesi aktiviti pendidikan pesakit dan aktiviti pendidikan anggota juga telah dilaksanakan seperti jadual 3.

Jadual 3 : Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2024

BIL	PERKARA
1.	Audit Akreditasi dari MSQH (Focus Survey)
2.	Kelas Pendidikan Diabetes
3.	Latihan kesedaran akreditasi
4.	Latihan pengukuhan GMP/HACCP
5.	Latihan pencegahan dan tindakan kebakaran dan latihan kesedaran keselamatan dalam tempat kerja
6.	Program Sihat Cergas 2024
7.	Penganjur Perhimpunan Bulanan Hospital Seri Manjung Bulan Jun 2024
8.	Audit CHRA PROVEN

6.5 UNIT PERUBATAN FORENSIK

Unit Perubatan Forensik menguruskan setiap kes kematian di dalam hospital iaitu kematian biasa. Kematian bio hazard dan juga kematian yang melibatkan kes medicolegal. Perkhidmatan forensik dijalankan 24 jam setiap hari. Perubatan Forensik adalah salah satu cabang yang membantu pihak berkuasa dari sudut perundangan. Setiap kematian di dalam wad hospital perlu dibawa ke Unit Forensik dalam tempoh satu jam selepas kematian dan diserahkan kepada waris selepas selesai proses dokumentasi yang berkaitan. Jumlah kakitangan adalah 2 orang Pegawai Perubatan, 3 orang Penolong Pegawai Perubatan termasuk seorang penyelia dan 2 orang Pembantu Perawatan Kesihatan.

PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan adalah untuk menyediakan kepakaran di dalam bidang forensik yang meliputi patologi forensik dan forensik klinikal. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Unit Perubatan Forensik boleh dilihat secara terperinci di Jadual 6.5.1.

Jadual 6.5.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan di Unit Perubatan Forensik


BIL	PERKHIDMATAN
1	Pengurusan Mayat kes biasa , <i>bio hazard</i> dan kes Medikolegal
2	Penyediaan rekod kematian medikolegal
3	Menjalankan prosedur bedah siasat mayat
4	Pengendalian specimen medikolegal
5	Pengendalian kes wabak penyakit berjangkit



BEBAN KERJA/STATISTIK

Jumlah kes yang diterima oleh Unit Perubatan Forensik ini adalah seperti di jadual berikut:-

Jadual 6.5.2 : Jumlah kes di Unit Perubatan Forensik

PERKARA	2022	2023	2024
Kematian Wad & ED (Kes Biasa)	1009	1013	960
Kes Medikolegal	325	296	289
Jumlah	1334	1309	1249





6.6 UNIT PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan merupakan salah satu unit yang penting di dalam memastikan mutu perkhidmatan yang terbaik dan efisien di hospital. Unit yang diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pegawai Perubatan Gred U42 ini berperanan menyelia semua aktiviti dan perkhidmatan oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang berada di semua jabatan/unit.

Selain daripada menyelia aktiviti dan perkhidmatan anggota, unit ini juga memberikan perkhidmatan kaunseling dan nasihat, perancangan latihan termasuk latihan berkaitan pencegahan kebakaran, pengawasan perkhidmatan sokongan dan membantu pengawasan keselamatan hospital terutama selepas waktu pejabat. Jumlah anggota unit ini meliputi 80 orang penolong pegawai perubatan dan 179 pembantu perawatan kesihatan. Jumlah perjawatan anggota Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan boleh dilihat dengan jelas di Jadual 6.6.1 dan Jadual 6.6.2. Anggota yang mempunyai pos basik adalah seperti di Jadual 6.6.3.

Jadual 6.6.1 : Perjawatan Penolong Pegawai Perubatan

BIL.	GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG
1	U41/42/44	1	1	0
2.	U36	6	6	0
3.	U32/36	20	15	5
4.	U29/32	78	58	20
5.	U29	Kontrak	6	-
Jumlah		105	80	25

Jadual 6.6.2 : Perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan

BIL.	GRED	JAWATAN	ISI	KOSONG
1.	U14	13	7	6
2.	U11	219	173	46
Jumlah		232	180	52

Jadual 6.6.3 : Jumlah anggota yang mempunyai pos basic

BIL.	JABATAN/UNIT	JUMLAH ANGGOTA	BIL. ADA POS BASIK	PERATUS (%)
1	Pengurusan	2	7	350%
2	Kecemasan & Trauma	26	22	85%
3	Perubatan	6	5	83%
4	Pembedahan	5	4	80%
5	Ortopedik	6	6	100%
6	Oftalmologi	5	3	60%
7	Otorinolaringologi (ENT)	2	0	0%
8	Anestesiologi	8	4	50%
9	Psikiatri	3	1	33%

10	Hemodialisis HSM/P.Remis	6	3	50%
11	Forensik	3	1	33%
12	Pesakit Luar/Klinik Demam	4	3	75%
13	Unit Transfusi Darah	1	0	0%
14	Unit Pengambilan Darah	3	0	0%
	JUMLAH	80	59	74%

**Catatan: Jumlah anggota tidak termasuk PPW (kontrak) yang belum tamat latihan.

AKTIVITI

Unit ini juga terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam semua program dan aktiviti diperingkat hospital. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Unit Penolong Pegawai Perubatan boleh dilihat secara ringkas di jadual berikut.

Jadual 6.6.4 : Kursus peningkatan pembantu perawatan kesihatan tahap 1/2/3

BIL.	JUMLAH ANGGOTA	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
1.	180	126	106	6

Jadual 6.6.5 : Kursus keselamatan kebakaran

BIL.	KURSUS	TEMPAT	TARIKH
1.	Kursus dan <i>Fire Drill</i>	Balai Bomba & Wad 5	25/6/2024
2.	Kursus pemantapan PPK	Dewan Mutiara	16/10/2024
3.	Audit Keselamatan Kebakaran	Semua Jabatan/Unit	26,28/09/2024

LAIN-LAIN

Pengawasan Perkhidmatan Sokongan Hospital:

Seramai empat orang Penolong Pegawai Perubatan termasuk Ketua Penolong Pegawai Perubatan dilantik sebagai Pegawai Penyelaras (LO) untuk tiga aktiviti di bawah perkhidmatan sokongan iaitu *Facility Engineering Maintenance Services* (FEMS), *Biomedical Engineering Maintenance Services* (BEMS) dan *Clinical Waste Management Services* (CWMS).

Mambantu Pengawasan Perkhidmatan Keselamatan:

Seramai 11 orang Penolong Pegawai Perubatan Gred U32 dan U36 telah ditugaskan secara giliran untuk membuat rondaan pemantauan perkhidmatan di bawah Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan pemantauan keselamatan keseluruhan hospital. Tugasan ini dilakukan setiap hari selama dua jam dan rondaan dijalankan selepas waktu pejabat terutama selepas jam 10 malam.

6.7 UNIT KEJURURAWATAN

Hospital Seri Manjung merupakan sebuah hospital yang bertaraf Perkhidmatan Berpakar Minor terletak di bandar Seri Manjung dengan jarak 5 km dari Pekan Sitiawan, 10 km dari Lumut dan 80 km dari Bandaraya Ipoh.

Pembinaan dimulakan Jun 1992 dalam RMK 6 dan siap pada 30 Nov 1994 berkonsepkan *Turnkey Project*. Keluasan tapak hospital adalah seluas 46.088 ekar. Hospital ini telah mula beroperasi pada **14/3/1995** menggantikan Hospital Lumut. dan telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Perak pada 22/5/1995 dalam satu majlis yang gilang gemilang. Memberi perkhidmatan dan menjadi pakar rujuk kepada 5 mukim berhampiran iaitu Sitiawan, Pengkalan Bahru, Lumut, Beruas dan Lekir. Jumlah katil rasmi adalah sebanyak 305. **NETWORKING** “Complementary Partnership” yang sekian lama wujud di antara **Hospital Angkatan Tentera (HAT)** dengan Hospital Seri Manjung telah membantu pihak Hospital menawarkan perkhidmatan rawatan yang menyeluruh.

Unit Kejururawatan mula beroperasi seiring dengan beroperasinya Hospital Seri Manjung pada tahun 1995 dan merupakan bahagian yang terbesar dalam organisasi hospital bernaung di bawah Pentadbiran Pengarah Hospital yang diterajui oleh 1 Penyelia Jururawat U42, 1 Jururawat Klinikal U41(Post) dan 6 Penyelia Jururawat U36. Sehingga Disember 2024, sebanyak 508 perjawatan kejururawatan dan 148 telah diluluskan untuk bangunan baru dengan jumlah perjawatan seramai 656 orang manakala pengisian seramai 492 dan kekosongan sebanyak 164. Pecahan kategori pengisian yang telah dibuat di Unit Kejururawatan selain dari Penyelia Jururawat terdiri daripada 37 Ketua Jururawat, 3 Jururawat U41, seramai 388 orang Jururawat U29 (9 Jururawat Lelaki dan 379 Jururawat perempuan), 1 Jururawat U29 (Interim) dan 56 orang Jururawat Masyarakat (56 orang U19/U24 TBk, 2 orang U24 dan seorang U26).

Anggota Kejururawatan terlibat secara langsung dalam memberikan perkhidmatan perawatan kejururawatan dan berganding bahu dengan semua jabatan atau unit di hospital ini. Unit Kejururawatan ini menyediakan perkhidmatan sokongan perawatan klinikal pesakit dalam dan pesakit luar.

Menjalankan pengurusan dan klinikal yang mengendalikan hal ehwal anggota kejururawatan, penjagaan pesakit dan merancang serta melaksanakan aktiviti-aktiviti kejururawatan. Bidang tugas klinikal telah di bahagikan di antara Penyelia Jururawat serta bertanggungjawab ke atas unit-unit yang telah di

tetapkan. Jururawat yang telah mengikuti kursus kepakaran pos basik akan ditempatkan mengikut kepakaran masing-masing untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kejururawatan. Jururawat mengikut kategori diagihkan mengikut keperluan di wad dan klinik.

AKTIVITI

